



## *Linggi Dinaungi oleh Inggeris*

### MASALAH PENCUKAIAN HARAM DI SUNGAI LINGGI



ELAIN masalah pertelingkahan antara Datuk Kelana Sending dan Datuk Syahbandar, kawasan Sungai Linggi sedang kecoh dengan masalah pencukaian yang dilakukan oleh Lebai Kulup. Aktiviti Lebai Kulup yang digelar 'raja perompak di Simpang' oleh Mills (1960:208) antara tahun-tahun 1848 dan 1849 telah memberi kesan dan amat memcemaskan saudagar-saudagar Melaka (Khoo Kay Kim, 1984:135). Mereka telah membuat aduan kepada kerajaan Inggeris. Sebagai tindak balas, dalam tahun 1850 Gabenor Butterworth mengutus surat kepada Datuk Akhir dan Datuk Kelana Sending. Hasilnya, dalam tahun 1851 satu pertemuan diadakan di Melaka. Datuk Akhir dan juga Raja Radin, Yang Dipertuan Seri Menanti telah hadir; tetapi Datuk Kelana tidak datang. Setelah berbincang, Datuk Akhir berjanji akan menyiasat perbuatan Lebai Kulup itu (Winstedt, 1934:68). Untuk sementara waktu, Lebai Kulup atas nasihat Datuk Akhir telah menghentikan aktivitinya. Beliau mula bergiat semula dalam bulan Mei 1852 (Winstedt, 1934:68). Pada tahun itu, di samping Lebai Kulup, Haji Mohamad Salleh, adik iparnya juga telah mendirikan pos cukai di Bukit Tiga.

Memandangkan aktiviti Lebai Kulup tidak juga berubah, satu lagi pertemuan telah diadakan pada tahun 1853. Pertemuan itu dihadiri oleh Residen Kaunselor Melaka, Haji Mohamad Salleh Datuk Muda Linggi, Datuk Akhir Penghulu Rembau dan Datuk Kelana Sending Sungai Ujong. Tujuan pertemuan itu adalah untuk mencapai satu persetujuan bagi memuaskan semua pihak yang berkepentingan dalam perdagangan bijih timah. Datuk Akhir yang menyokong tindakan Lebai Kulup itu menegaskan kepada pihak Datuk Kelana Sending bahawa Lebai Kulup memang berhak memungut cukai di Simpang sehingga jumlah ganti rugi yang dituntutnya daripada Datuk Kelana Kawal diperolehi kembali. Residen Kaunselor Melaka telah menyatakan pendiriannya tentang kegiatan Lebai Kulup kepada Datuk Akhir dan Datuk Sending. Beliau berpendapat biar apa pun tuntutan yang dibuat oleh Lebai Kulup ke atas mana-mana individu, beliau

tidak berhak untuk mengganggu dan menutup jalan perdagangan umum di Sungai Linggi (Braddell, 1874:13).

Untuk menyelesaikan masalah tersebut, beberapa cadangan telah dikemukakan. Antara cadangan itu ialah:

1. Menetapkan kadar cukai sebanyak sepuluh peratus ke atas bijih timah sahaja; sedangkan barang-barang lain bebas daripada cukai. Cukai sepuluh peratus ini diuntukkan kepada tiga bahagian:
  - (a) untuk menggantikan kerugian yang timbul daripada peperangan Rawa;
  - (b) untuk pertahanan awam dan membeli senjata; dan
  - (c) untuk dibahagikan antara orang besar-besarnya mengikut pangkatnya (Braddell, 1874:13).
2. Memajakkan hak memungut cukai kepada seorang Cina kaya Melaka (Khoo Kay Kim, 1984:135).

Pandangan Residen Kaunselor dan cadangan-cadangan penyelesaian itu tidak meninggalkan sebarang kesan kepada Lebai Kulup. Sebaliknya beliau menolak cadangan tersebut. Sebagai seorang yang berani dan berazam kuat, disertai pula sokongan daripada Penghulu Rembau, cadangan kedua pertemuan itu tidak mungkin terlaksana. Adalah tidak mungkin untuk mempengaruhi seorang Cina Melaka membeli pajakan tersebut jika melihat sikap dan sokongan yang ada pada Lebai Kulup (Khoo Kay Kim, 1984:135). Dengan demikian, Lebai Kulup berjaya mempertahankan dan mengekalkan kedudukannya di Simpang sehingga beliau meninggal dunia dalam tahun 1859 (Sherifa Khan, 1985:14).

Menjelang tahun 1855, selain Lebai Kulup, terdapat tiga orang lain yang memungut cukai di sepanjang Sungai Linggi. Mereka ialah:

1. Haji Mohamad Salleh yang mendirikan pos cukai di Permatang Pasir. Beliau ialah adik ipar Lebai Kulup. Pada tahun 1848 beliau bekerjasama dengan Lebai Kulup mengutip cukai di Simpang. Setelah berlaku pertelingkahan, beliau telah pulang ke Rembau dan tinggal di sana sehingga kira-kira tahun 1852. Beliau kemudiannya, buat sementara waktu tinggal dan mengutip cukai di Bukit Tiga. Pada sekitar tahun 1854, beliau telah berpindah dan mendirikan pos cukai baru di Sungai Serban.
2. Syed Ahman atau Syed Abdul Rahman telah mengambil alih pos cukai di Bukit Tiga daripada Haji Mohamad Salleh pada sekitar tahun 1854. Beliau ialah sepupu Syed Syaaban dan ahli waris Datuk Kelana Sungai Ujong, melalui ibunya.<sup>1</sup>
3. Datuk Kanda Kachar, anak Datuk Syahbandar Haji Mohamad Salleh Sungai Ujong (meninggal pada sekitar tahun 1845/46), dan anak buah kepada Datuk Syahbandar Kulup Tunggal (dilantik pada sekitar tahun 1845/46) Sungai Ujong. Beliau telah mendirikan pos pencukaaian di Pangkalan Kempas.

Seperti juga Lebai Kulup, ketiga-tiga orang pembesar ini mendapat sokongan kuat daripada Datuk Akhir, dan besar kemungkinan mereka juga memberikan keistimewaan yang serupa kepadanya.

Berkaitan dengan orang yang mengutip cukai di Sungai Linggi, Mohamad Ali bin Dahlan (1976), selain nama yang disebutkan, telah menyatakan bahawa Haji Mohamad telah mengutip cukai di Permatang Pasir manakala Haji Mohamad Salleh di Bukit Tiga (Mohamad Ali bin Dahlan, 1976:159-60). Ini bermakna, secara tidak langsung mengikut Mohamad Ali, terdapat seramai lima orang pemungut cukai di tiga tempat di sepanjang Sungai Linggi. Walhal dalam ayat berikutnya, Mohamad Ali telah menyatakan bahawa 'saudagar-saudagar terpaksa membayar cukai sebanyak empat kali' jelas menunjukkan bahawa ayat yang baru diperturunkan ini bercanggah dengan implikasi maksud ayat yang sebelumnya.

Dalam hal ini, besar kemungkinan Mohamad Ali telah agak keliru. Pertama, Mohamad Ali, dalam konteks ini telah cuba menyangkal pendapat Braddell (1874) yang menyatakan bahawa Haji Mohamad yang 'mengutip cukai di Permatang Pasir' itu bukannya adik ipar Datuk Muda Mohamad Attas. Ini jelas dalam nota kaki yang diturunkan oleh Mohamad Ali (1976:159) . . . Braddell di dalam laporannya mengatakan bahawa Haji Mohamad ialah adik ipar Datuk Kattas yang selepas kematian Datuk Muda itu menggantikannya sebagai Datuk Muda Linggi. Nama ini adalah tidak tepat, yang sebenarnya menggantikan Datuk Mohamad Attas ialah Haji Mohamad Salleh.

Malangnya Mohamad Ali tidak pula memperjelas siapakah dia Haji Mohamad (yang) telah mengutip cukai di Permatang Pasir itu? Beliau menyatakan bahawa manakala Haji Mohamad Salleh (mencukai) di Bukit Tiga. Dalam menyatakan atau menyebut Haji Mohamad Salleh, beliau juga gagal menerangkan sama ada Haji Mohamad Salleh di Bukit Tiga itu adik ipar Datuk Muda Mohamad Attas atau bukan.

Rumusan yang mungkin diutarakan tentang pernyataan Mohamad Ali ini ialah:

1. Haji Mohamad di Permatang Pasir itu bukan adik ipar Datuk Muda Mohamad Attas.
2. Haji Mohamad Salleh di Bukit Tiga itu ialah adik ipar Datuk Muda Mohamad Attas.

Bagaimanapun, apa yang mungkin cuba diutarakan oleh Mohamad Ali ialah Haji Mohamad dan Haji Mohamad Salleh itu ialah dua orang individu yang berlainan. Sedangkan penulis-penulis seperti Khoo Kay Kim (1972:1984) dan Sherifa Khan (1986) menyatakan Haji Mohamad dan Haji Mohamad Salleh itu adalah orang yang sama dan ialah adik ipar kepada Lebai Kulup dan bukannya adik ipar Datuk Muda Mohamad Attas.

Kedua ialah kekeliruan tentang tempat kedua-dua orang(?) yang cuba dibezakan oleh Mohamad Ali itu mengutip cukai di Permatang Pasir dan di

Bukit Tiga. Khoo Kay Kim dan Sherifa Khan yang juga menggunakan sumber rujukan yang sama, salah satu daripadanya ialah Braddell<sup>2</sup> (1874), telah memberikan empat nama sahaja, termasuk Lebai Kulup, seperti yang dinyatakan. Dalam perkara ini, Mohamad Ali mungkin telah terkeliru tentang perubahan atau perpindahan tempat mengutip cukai Haji Mohamad (Salleh), iaitu mula-mula di Permatang Pasir (1848), kemudian di Simpang (1848), diikuti pula di Bukit Tiga (1852) dan akhirnya di Sungai Serban (1854).

Sebaliknya pula, ada kemungkinan pernyataan Braddell tentang kegiatan Haji Mohamad, (walaupun namanya disebut sebagai Haji Mohamad sahaja), sepupu dan pengganti Mohamad Attas, mengutip cukai di Permatang Pasir itu mempunyai kebenaran. Berdasarkan data yang ada, pada sekitar tahun 1841, seperti yang dinyatakan Mohamad Attas mengutip cukai di Permatang Pasir. Mengandaikan yang pada sekitar tahun 1848, iaitu kira-kira setahun sebelum beliau meninggal dunia atau mungkin pada tahun beliau meninggal dunia, sama ada beliau telah tua ataupun telah meninggal dunia, tolnya di Permatang Pasir telah diserahkan atau diambil alih oleh Haji Mohamad (Salleh), Datuk Muda Linggi yang baru, yang secara kebetulan pula ialah sepupu dan birasnya. Penelitian lanjut tentang perkara ini harus dibuat dengan lebih terperinci supaya dapat satu kepastian sejarah.

Bagaimanapun, perbuatan keempat-empat orang pengutip cukai haram ini telah memberi kesan buruk kepada para pedagang Melaka dalam perniagaan bijih timah di Sungai Ujong. Di samping membayar cukai yang telah biasa dipungut oleh pembesar-pembesar yang memang mempunyai hak, mereka terpaksa membayar empat<sup>3</sup> lagi cukai tambahan. Pihak Inggeris di Negeri-negeri Selat, setelah gagal mengadakan satu sistem pemungutan cukai yang boleh membawa keamanan di Sungai Linggi, terutamanya di Simpang, telah mencuba sekali lagi. Orang besar yang terlibat dalam kekecohan itu telah dipanggil untuk menghadiri satu pertemuan di Simpang pada bulan Januari 1855. Dalam pertemuan itu Datuk Kelana dan Penghulu Rembau bersetuju memulihkan keamanan di sepanjang Sungai Linggi. Haji Mohamad Salleh Datuk Muda Linggi telah diberi kuasa untuk menentukan bahawa tidak ada lagi sekatan-sekatan pengutip cukai haram di Sungai Linggi, khususnya bagi kawasan-kawasan ke hilir dari Permatang Pasir. Pembesar-pembesar itu juga bersetuju menyingkirkan Lebai Kulup dari Simpang secara paksa (Braddell, 1874:13; Abdul Aziz bin Salleh, 1973: 135-6).

Datuk Muda Haji Mohamad Salleh dengan Datuk Kelana Sending telah cuba memusnahkan kubu-kubu dan sekatan-sekatan di Sungai Linggi, tetapi hingga bulan Mei, usaha mereka masih tidak memberi bekas. Oleh itu, pada 7 Mei 1855 pedagang-pedagang tersebut telah merayu kepada Dewan Perniagaan Singapura supaya meminta kerajaan Negeri-negeri Selat mengusir pengutip cukai haram tersebut dari Sungai Linggi, tetapi

usaha mereka juga telah gagal (Khoo Kay Kim, 1984:136). Bagaimanapun pada 5 Jun, Blundell telah melaporkan perkara itu untuk pengetahuan kerajaan di India dan meminta arahan selanjutnya.

Sementara itu pada bulan Ogos 1855, semasa Lebai Kulup tiada di Simpang (pergi ke Rembau), Datuk Kelana Sending bersama Datuk Muda Haji Mohamad Salleh mengupah sebuah skuner Inggeris yang kelasinya terdiri daripada orang Eropah untuk menyerang dan memusnahkan tol cukai di Simpang. Datuk Kanda Kachar, di Pangkalan Kempas, melihat tindakan Datuk Kelana dan Datuk Muda Linggi itu, telah dengan sendirinya mengaku kalah dan menyerahkan bentengnya kepada Datuk Kelana. Usaha kedua-dua pembesar itu telah berjaya tetapi memakan perbelanjaan dan tenaga yang besar. Kemusnahan benteng-benteng kepunyaan Lebai Kulup ini telah disaksikan sendiri oleh Residen Kaunselor Melaka yang datang ke Linggi pada akhir bulan Ogos.

Semasa berada di Linggi, Residen Kaunselor juga menyaksikan Haji Mohamad Salleh, Datuk Muda Linggi sedang membuat persediaan untuk menyerang kubu Haji Mohamad Salleh, ipar Lebai Kulup, di Sungai Serban. Pada ketika itu, Datuk Muda Linggi telah mengibarkan bendera British di perahunya. Residen Kaunselor telah menegur dan melarang perbuatan Datuk Muda itu kerana ia tidak sesuai dengan dasar tidak campur tangan Inggeris. Namun untuk mengambil kubu di Sungai Serban bukanlah suatu yang mudah kerana pertahanan kubu tersebut sangat kuat.

Persengketaan ini telah mengurangkan hasil pendapatan bijih timah; malahan dalam tempoh empat bulan itu, dapat dikatakan tidak ada langsung pengeluaran bijih timah. Datuk Kelana Sending telah berusaha bersungguh-sungguh menghalau pengutip cukai di sepanjang sungai itu. Beliau bersama Datuk Muda Haji Mohamad Salleh berjaya juga akhirnya mengeluarkan Syed Ahman dari Bukit Tiga dan Haji Mohamad Salleh dari Sungai Serban. Kedua-dua orang itu telah berundur untuk sementara waktu ke Rembau. Bagaimanapun kemenangan Datuk Kelana itu bukanlah kemenangan mutlak.

Pada bulan Ogos 1855, semasa Datuk Kelana dan Datuk Muda Linggi sedang sibuk mengeluarkan pengutip cukai itu, Blundell telah datang melawat Melaka. Satu petisyen yang ditulis oleh empat orang ahli perniagaan Eropah dan 12 orang Cina, telah diserahkan kepadanya. Dalam petisyen itu Gabenor Blundell diberitahu antara lain, bahawa sebanyak 2,100 pikul bijih timah bernilai \$50,000 yang telah dibayar wang pendahuluannya secara tunai dan barangan oleh para peniaga, telah ditahan di Kampung Linggi.<sup>4</sup>

Pada 2 November 1855, Kerajaan British di India menjawab surat minta arahan daripada Blundell dahulu. Melalui surat itu kerajaan British telah mengeluarkan perintah bahawa pihak Inggeris hanya dapat mengakui dan

memberi perlindungan kepada pengutip-pengutip cukai yang berkelayakan sahaja. Sesiapa yang melakukannya secara haram dan mendatangkan kesusahan kepada saudagar-saudagar dan perniagaan di Melaka tidak sewajarnya diberi perlindungan. Pembesar-pembesar tempatan diminta memberi kerjasama bagi menyelesaikan keadaan yang genting itu dan sekiranya pembesar-pembesar itu tidak berkeupayaan maka pihak Inggeris boleh memberi apa juga bantuan yang perlu (Mohamad Ali bin Dahlan, 1976:164-5).

Berikutan perintah itu, Gabenor Blundell telah mengeluarkan satu perisytiharan pada 23 November 1855, kepada semua yang terlibat. Antara lain perisytiharan itu berbunyi:

. . . Kami diarah oleh Gabenor Jeneral dalam Majlis di India untuk mencegah pengutipan sebarang cukai; dan barang siapa yang gagal mengikuti, atau mengingkari arahan ini, kami diberi kuasa untuk membenarkan Kerajaan Sungai Ujong bertindak memberhentikannya. Dan selepas kami memberi kuasa tersebut kami tidak campur tangan lagi dalam perkara ini. . . .

(Braddell, 1874:19)

Amaran atau peringatan yang diberikan itu, seperti yang telah sudah, dan tindakan Datuk Kelana ke atas tol-tol di Sungai Linggi, tidak membawa apa-apa kesan positif. Pada tahun 1856, keempat-empat orang itu telah bergiat semula mengutip cukai di tol masing-masing (Khoo Kay Kim, 1984:136). Datuk Kelana Sending, walaupun diberi kuasa dan didesak oleh Inggeris untuk terus menghalang kegiatan itu, tidak mampu melaksanakannya (Norhalim Hj. Ibrahim, 1995:242). Melihat keadaan tidak berubah malahan semakin buruk, dalam tahun yang sama (1856), Blundell berjanji dengan pembesar-pembesar berkenaan akan menghantar, dari semasa ke semasa, sebuah kapal perang ke kawasan Simpang memastikan pengisytiharan yang dibuat pada tahun sebelumnya (1855) dipatuhi (Winstedt, 1934:68). Kapal perang itu tidak boleh bertindak lebih daripada itu seperti memusnahkan rumah-rumah tol yang ada. Kerja memusnahkan itu adalah suatu yang senang kerana benteng dan kubu tol tersebut adalah tidak kukuh. Kesemuanya dibuat sama ada daripada kabungan batang pokok kelapa atau pokok pinang, dan boleh dimusnahkan bila-bila masa sahaja. Namun, kerajaan British tidak mungkin bertindak sedemikian kerana terikat dengan dasar tidak campur tangan; apatah lagi menggunakan kekerasan dalam kawasan dan terhadap mana-mana negeri Melayu (Mills, 1960:208).

Pada tahun 1857, keadaan di kawasan Simpang menjadi terlalu buruk. Ini memaksa MacPherson, Residen Kaunselor Melaka bertindak walaupun melanggar polisi Inggeris pada ketika itu. Beliau telah memerintahkan Kapal Diraja *Amethyst* di bawah pimpinan Kapten Grenfell memusnahkan kubu dan kampung di Pangkalan Kempas (Parkinson, 1964:165). Pemus-

## SEJARAH LINGGI

nahan rumah tol Datuk Kanda Kachar di Pangkalan Kempas tidak juga memberi kesan positif yang berpanjangan kepada masalah tol di Sungai Linggi, khususnya di kawasan Simpang. Keamanan hanya dapat diwujudkan selama hampir tiga tahun sahaja. Dalam tempoh itu, aktiviti perlombongan dan perdagangan di Sungai Linggi dan di Linggi giat semula (Khoo Kay Kim, 1984:136).

### PERTELINGKAHAN DATUK KELANA DAN DATUK SYAHBANDAR SUNGAI UJONG

Menjelang akhir tahun 1859 keadaan menjadi rumit semula. Linggi sekali lagi menjadi objek perebutan antara Datuk Kelana Sending dan Datuk Syahbandar Kulup Tunggal,<sup>5</sup> yang merupakan seorang pembesar yang berpengaruh lagi kaya. Perselisihan timbul apabila Datuk Syahbandar mengambil keputusan mengenakan cukai ke atas lalu lintas di Sungai Linggi. Perbuatan Datuk Syahbandar ini telah menggemparkan Datuk Kelana Sending, tetapi tidak berdaya untuk menghalangnya. Datuk Kelana meminta bantuan Datuk Akhir, penghulu Rembau, untuk menyelesaikannya.<sup>6</sup>

Peristiwa ini telah dapat diselesaikan; tetapi bagaimana ia diselesaikan, data sejarah agak kurang jelas. Dalam bulan April 1860, Datuk Syahbandar yang dipercayai oleh saudagar-saudagar<sup>7</sup> Melaka, akibat satu komplot, telah ditangkap di Melaka kerana hutang. Beliau ditahan di sana buat beberapa bulan 'atas proses awam' dalam satu tindakan guaman yang belum selesai dibicarakan dalam Mahkamah Pengadilan (Khoo Kay Kim, 1984:161 nota kaki 49). Komplot ini adalah sebahagian daripada usaha Datuk Kelana Sending untuk menjatuhkannya.

Semasa Datuk Syahbandar berada dalam tahanan itu, Datuk Kelana telah mengkucar-kacirkan pentadbirannya ke atas orang Cina (Sherifa Khan, 1986:15). Salah tadbir Datuk Kelana ini berpunca daripada tindakannya meminta bantuan penghulu Rembau menyelesaikan krisis dengan Datuk Bandar sebelum itu. Tindakan Datuk Kelana telah mendatangkan masalah yang lebih rumit. Penghulu Rembau, sebagai ganjaran menyelesaikan krisis itu, telah menggunakan kewibawaannya menuntut sebahagian daripada cukai ke atas para pelombong Cina di Sungai Ujong. Keadaan menjadi lebih kompleks apabila Yang Dipertuan Seri Menanti, Raja Radin yang telah pindah ke Kampung Rasah, juga berharap untuk menerima sebahagian daripada hasil cukai tersebut. Oleh itu, Datuk Kelana Sending yang disertai oleh Datuk Akhir dan Raja Radin, memutuskan untuk mengenakan cukai yang lebih tinggi, iaitu sebanyak \$4,000 ke atas para pelombong Cina yang dahulunya dikenakan bayaran seringgit seorang serta tol yang tetap ke atas bijih timah.

Atas kenaikan kadar bayaran cukai ini, para pelombong Cina telah bertindak balas walaupun Datuk Sending dan Datuk Akhir cuba memujuk mereka; tetapi gagal. Akibat tidak ada tolak ansur ini, pada 21 Ogos 1860 satu rusuhan Cina-Melayu telah meletus. Pihak pelombong Cina yang memulakan pergaduhan itu mengalami kekalahan teruk dan terpaksa lari dari Sungai Ujong untuk menyelamatkan nyawa. Daripada 14,000 orang Cina yang bekerja di lombong, kira-kira 200 orang telah terbunuh. Beberapa ramai lagi yang menjadi penagih candu, oleh sebab tidak tahan menanggung sengsara, banyak yang mati dalam hutan. Mereka yang lainnya terpaksa mencari tempat perlindungan di negeri-negeri yang berdekatan kerana rumah dan kedai mereka telah musnah (Khoo Kay Kim, 1984:137).

Rusuhan ini telah mengakibatkan para pedagang Melaka yang memberi pendahuluan sebanyak \$130,000 kepada para pelombong mendapat kerugian besar. Mereka telah menghantar satu petisyen<sup>8</sup> kepada Gabenor Cavenagh untuk bertindak menyelamatkan mereka daripada kehancuran (Norhalim Hj. Ibrahim, 1995:256 nota kaki 16). Gabenor Cavenagh terpaksa masuk campur. Tujuannya ialah untuk memberi perlindungan kepada para pelombong Cina yang berada di Sungai Ujong dan Rembau (Emerson, 1993:120). Rundingan diadakan antara Inggeris di satu pihak dan Datuk Akhir serta Datuk Kelana Sending dan Raja Radin di pihak lain. Perdamaian dan persetujuan tercapai dan pada akhir tahun 1860 lebih kurang 5,000 orang pekerja telah kembali ke Sungai Ujong, dan kerja-kerja melombong dijalankan semula.

Rusuhan ini memberi kesan buruk kepada ekonomi Negeri-negeri Selat. Ia juga mengakibatkan ahli-ahli perniagaan di Melaka yang memberi wang pendahuluan sebanyak \$130,000 kepada para pelombong, menanggung kerugian besar. Mereka telah menghantar petisyen kepada Kerajaan Negeri-negeri Selat. Antara lain rayuan mereka itu menyatakan:

... hingga akhir-akhir ini, sebarang sekatan dan gangguan ke atas perdagangan jarang berlaku disebabkan oleh pengaruh Datuk Bandar atau ketua perdagangan di Sungai Ujong, yang selalunya memelihara ketenteraman di kalangan pelombong-pelombong Cina. Di samping itu, mereka juga membiarkan perhubungan ke Kuala Linggi terbuka dan menghalang pemerasan dan cukai-cukai lain daripada yang biasa dikenakan ke atas jumlah bijih timah yang dieksport.

Kami pada umumnya telah berdagang dengan penuh kepercayaan dengan daerah-daerah perlombongan yang melampaui sempadan Inggeris tetapi apabila Datuk Bandar ditangkap, kira-kira enam bulan yang lalu, kami mengalami kerugian perdagangan dan kerosakan yang besar kerana sungai tersebut ditutup oleh Datuk Kelana dan orang besar lain di Sungai Ujong. Mereka telah mengambil peluang dari ketiadaan Datuk Bandar, untuk mengenakan cukai yang terlalu tinggi dan tidak adil kepada semua jenis barang yang dibawa melalui sungai dan akhirnya menyekat perhubungannya. Ini telah menaikkan harga bijih timah dan begitu juga



harga beras dan barangan lain di daerah perlombongan. Kami mendapat tahu bahawa harga beras hampir pada tingkat harga kebuluran.<sup>9</sup>

(Braddell, 1874; Khoo Kay Kim, 1984:137)

Pihak berkuasa Inggeris tidak mahu membayar ganti rugi kepada pedagang-pedagang yang telah kerugian ekoran daripada rusuhan itu, tetapi meminta Datuk Kelana Sending menggunakan kuasanya ke atas laluan dagangan di sepanjang Sungai Linggi. Apabila Datuk Kelana Sending sedar akan kekurangan kuasa, beliau melahirkan hasratnya untuk membuat perjanjian perdagangan dengan kerajaan British dan mengikut perjanjian itu mereka bertanggungjawab bagi mengawal keamanan di sungai tersebut. Datuk Kelana Sending mengenakan syarat supaya mengizinkan beliau mengutip cukai sebanyak sepuluh peratus ke atas semua bijih timah yang dibawa keluar dari mana-mana lombong. Kerajaan Negeri-negeri Selat pada umumnya bersetuju dengan cadangan tersebut di samping mengusulkan supaya seorang Penolong Residen ditempatkan di Linggi 'sebagai pengadil bagi semua perkara yang berkaitan dengan perniagaan antara saudagar-saudagar kami dengan pedagang-pedagang peribumi'; tetapi tidak ada sebarang tindakan susulan semerta yang dilakukan (Khoo Kay Kim, 1984:138). Bagaimanapun perdamaian dan penyelesaian dapat dicapai dan pada akhir tahun 1860 kerja-kerja melombong dijalankan semula (Sherifa Khan, 1985:15).

Keadaan tegang ini menjadi kendur selama beberapa tahun tetapi tegang semula pada tahun 1865 apabila Datuk Kelana Sending pergi ke Linggi untuk melaksanakan kutipan cukai tetap di sungai itu. Tindakannya ini telah dibantah oleh Datuk Akhir kerana beliau tidak dibawa berunding terlebih dahulu. Sebaliknya Datuk Kelana menjawab bahawa cukai yang hendak dikenakan itu terbatas kepada bijih timah, iaitu pengeluaran Sungai Ujong dan Rembau tidak berhak campur tangan. Namun, Datuk Kelana bersedia memberikan sebahagian daripada cukai itu kepada penghulu Rembau. Datuk Akhir pula berkeras menyatakan beliau menuntut itu adalah atas alasan bahawa Rembau adalah ibu dan Sungai Ujong adalah bapa Linggi. Oleh itu, Rembau secara automatik wajar diberi atau mendapat sebahagian daripada cukai itu (Khoo Kay Kim, 1984:167). Akibat tidak puas hati dengan jawapan Datuk Kelana itu, menurut Cikgu Abbas bahawa orang Rembau datang 'melanggar Linggi masuk di Tampin Kanan jajahan Linggi lebih kurang 300 orang serta membakar rumah-rumah di situ. Maka orang Tampin Kanan pun berperanglah dengan orang Rembau sampai tiba bantuan dari Linggi. Maka apabila orang Linggi datang membantu tidaklah tertahan lagi orang Rembau lalulah lari dengan berkalahan'.<sup>10</sup>

Dalam pertentangan dan tuntutan ini, Datuk Akhir tidak mendapat sokongan daripada beberapa orang Datuk Lembaga Tiang Balai Rembau. Menurut datuk-datuk lembaga itu, tindakan Datuk Akhir itu telah dilakukan

tanpa berunding terlebih dahulu dengan Lembaga Tiang Balai.<sup>11</sup> Mereka menambah bahawa Datuk Kelana berada di pihak yang benar dan Rembau tidak ada hak untuk menghalang pengutip cukai di Sungai Linggi (Braddell, 1874:17).

#### SUNGAI LINGGI DAN SEMPADAN NEGERI SELANGOR

Dalam tahun 1866, di samping masalah kutipan cukai, timbul pula soal sempadan, iaitu antara Selangor dan Sungai Ujong yang melibatkan Sungai Linggi. Persoalan ini pada hakikatnya telah timbul sejak tahun 1804 lagi. Pada tahun tersebut, Sultan Ibrahim Syah (1778–1826), Sultan Selangor telah menuntut hak ke atas Sungai Linggi. Beliau menekankan bahawa kawasan di sekitar Linggi itu adalah kepunyaan beliau sejak datuk neneknya lagi. Tidak ada sesiapa pun yang berhak ke atasnya (Anderson, 1962:203).

Tuntutan Sultan Ibrahim adalah berdasarkan perkembangan politik pada awal abad ke-18 apabila orang Bugis mulai menegakkan pengaruhnya di kawasan Selat Melaka, seperti yang telah dihuraikan.

Kemudian pada tahun 1862, masalah ini timbul lagi apabila Datuk Kelana Sending cuba menuntut daripada Sultan Selangor sebahagian daripada wilayah Sungai Ujong yang telah diambil secara tidak adil daripadanya, termasuk Tanjung Tuan di mana kerajaan British kini sedang membina sebuah rumah api. Kepada pernyataan itu, Datuk Kelana menambah bahawa beliau tidak ada niat untuk mengganggu cadangan pembinaan rumah api itu. Pada 24 November 1863, satu pertemuan diadakan antara Raja Abdullah Kelang, dan Datuk Kelana Sending di Kuala Linggi dengan dihadiri oleh Kapten Playfair dan Syed Syaaban. Sepucuk surat yang ditulis oleh Sultan Abdul Samad (1859–98) dua bulan sebelum itu telah dibacakan. Dalam surat itu, beliau menentukan sempadan itu hendaklah mengikut Sungai Langat: di sebelah kanan hala mudik ialah Sungai Ujong dan sebelah kirinya pula wilayah Kelang. Dan sempadan Sungai Ujong di pesisiran pantai adalah dari Gunung Jugra, di Sungai Langat ke Kuala Linggi.

Penetapan ini telah dibantah oleh Raja Jumaat kerana mengikutnya, apabila Sultan Muhammad (1826–57) menyerahkan Lukut kepadanya untuk ditadbir, beliau telah diberitahu bahawa sempadannya ialah dari Lukut ke Kuala Linggi, termasuk kawasan-kawasan Sungai Linggi. Kalau memudiki Sungai Linggi, maka kawasan di sebelah kiri sehingga Sungai Kelang dan ke pedalaman sejauh Bukit Juling-juling adalah kepunyaan Selangor. Selepas itu, perkara itu dibiarkan begitu sahaja sementara waktu. Jelaslah bahawa perasaan tidak puas hati Datuk Kelana Sending timbul daripada hakikat bahawa kawalan ke atas sebelah tebing sungai itu akan

mbolehkan Raja Jumaat dan Raja Abdullah mendapat sebahagian daripada pendapatan yang diperolehi daripada lalu lintas di Sungai Linggi (Khoo Kay Kim, 1984:169).

Masalah ini tetap menjadi faktor utama merenggang hubungan antara Datuk Kelana Sending dengan Raja Jumaat; dan setelah Raja Jumaat meninggal dunia pada tahun 1865, saudaranya, Raja Abdullah (penghulu Kelang) tetap mengejar isu itu.

Pada tahun 1866, soal Sungai Linggi sebagai sempadan timbul sekali lagi. Menurut Kapten Burn, Residen Kaunselor Melaka, dalam sepucuk surat bertarikh 14 Mei 1866, Sultan Abdul Samad telah memberitahu bahawa soal sempadan itu telah diselesaikan dalam tahun 1865 sesuai dengan surat sultan pada akhir tahun 1863. Namun apabila Kapten Burn kemudiannya bertemu dengan Raja Abdullah di Lukut, Raja Abdullah menyatakan tuntutan Datuk Kelana Sending itu tidak munasabah. Oleh kerana kekeliruan yang sama, maka isu itu dibiarkan begitu sahaja.

Lebih kurang dua tahun kemudian, soal sempadan itu timbul semula. Pada 11 Julai 1868, Sultan Abdul Samad menulis:

Kami Sultan Selangor, Sultan Abdul Samad, putera Almarhum Tunku Raja Abdullah, menyerahkan surat ini kepada Datuk Kelana Putera di Sungai Ujong menunjukkan perhubungan di antara Selangor dan Sungai Ujong yang tidak boleh diubah dengan cara apa pun sejak dahulu hingga sekarang.

Berhubung dengan Tanjung Tuan (Cape Rachado) permintaan Gabenor untuk tapak (sebesar yang diperlukan) bagi membuat sebuah rumah api, hanyalah sebuah sahaja. Kerajaan British adalah sahabat kami, dan pada pendapat kami sahabat orang besar kami juga. Terkecuali daripada apa yang telah dikatakan, semua kawasan di sebelah kiri hala mudik Sungai Linggi, sehingga Sungai Udang, kami dan orang besar bersetuju sebagai wilayah kepunyaan Datuk Kelana, dan tidak siapa pun yang boleh menuntutnya, termasuk anak cucu kami dan anak cucu Datuk Kelana. Ketetapan ini janganlah diubah selagi matahari dan bulan masih berputar, seperti yang tersebut dalam tulisan ini dan dicap dengan mohor kami.

(Khoo Kay Kim, 1984:170)

Surat ini jelas menunjukkan bahawa Sultan Abdul Samad tidak sepakat dengan pembesar-pembesar Kelang dan Lukut. Meskipun surat ini ada, ia tidak juga boleh menyelesaikan perkara tersebut. Untuk beberapa tahun, keadaan di Linggi dan Sungai Linggi menjadi agak tenang semula.

Pada tahun 1870 (bersamaan tahun Sanat 1287) Datuk Muda Haji Mohamad Salleh telah meninggal dunia. Zaman pemerintahannya penuh dengan persengketaan. Kawasan Linggi sentiasa menjadi pusat pergolakan sama ada tentang cukai atau sempadan. Negeri-negeri yang terlibat dalam masalah-masalah tersebut ialah Sungai Ujong, Rembau dan juga Selangor.

Setakat ini jelas bahawa kedudukan Datuk Muda Linggi, mulai pertengahan abad ke-19 semakin lemah. Berbagai-bagai pihak berjaya menegakkan kuasa mereka di sepanjang Sungai Linggi. Datuk Muda Linggi

tidak mampu berbuat apa-apa untuk menghalang atau menyekat mereka. Beliau seolah-olah telah hilang kuasa ke atas wilayah yang dahulunya adalah hak monopoli pemimpin Linggi. Malahan dapat dikatakan bahawa hanya campur tangan pihak British dari semasa ke semasa sahaja membolehkan Datuk Muda Linggi berterusan menguasai Linggi. Pada hakikatnya pula, campur tangan Inggeris bukan pula bertujuan untuk mengekalkan kekuasaan Datuk Muda Linggi, tetapi lebih untuk melindungi dan membersihkan jalan perdagangan di sepanjang Sungai Linggi demi kelicinan ekonomi Melaka serta kepentingan perniagaan saudagar-saudagar rakyat British di Melaka. Namun demikian pada awal tahun 1870-an cabaran kepada kekuasaan Datuk Muda Linggi yang baru tetap berlaku.

Setelah Datuk Muda Haji Mohamad Salleh meninggal dunia maka Mohamad Farghal bin Datuk Muda Haji Mohamad Salleh menjadi Datuk Muda Linggi yang baru (manuskrip 'Fasal Peringatan Orang yang Mula-mula Membuka Linggi').

#### SUNGAI LINGGI: PERJANJIAN TUNKU KUDIN DAN DATUK AKHIR

Pada masa Mohamad Farghal (Peral) mula menjawat Datuk Muda, Linggi berada dalam keadaan tenang tetapi tegang. Keadaan tegang ini diburukkan lagi oleh perkembangan yang berlaku di Selangor. Dalam tahun yang sama (1870), percikan perang saudara di Selangor<sup>12</sup> telah sampai ke wilayah Sungai Linggi. Perang itu adalah antara Tunku Kudin (Ziauddin)<sup>13</sup> dengan Raja Mahadi.<sup>14</sup> Kedua-dua orang pembesar Selangor itu cuba mendapat sokongan luar. Raja Mahadi berjaya mendapatkan Maharaja Abu Bakar Johor. Tunku Kudin pula, selain Inggeris beliau cuba mendapat sokongan daripada Datuk Akhir, Penghulu Rembau (Andaya dan Andaya, 1983:171). Untuk tujuan ini, pada 26 Julai 1870, Tunku Kudin telah datang ke Simpang bertemu dengan Datuk Akhir (Cowan, 1961:109). Menurut Khoo Kay Kim (1986:209) dalam pertemuan itu, Datuk Akhir menyatakan bahawa 'Simpang ialah negeri kepunyaan orang Rembau, dan di sebelah kiri sungai (Linggi) adalah negeri sahabat kita orang (Inggeris) dan di sebelah kanan ialah negeri Selangor yang wujud sejak zaman-berzaman lagi'.

Pertemuan itu berakhir dengan satu perjanjian yang bertujuan menetapkan sempadan Rembau-Selangor di Simpang (Winstedt, 1934:69). Melalui perjanjian itu, Tunku Kudin berjanji menyokong kerajaan Rembau dalam usahanya mendapatkan hak ke atas Simpang. Datuk Akhir pula berjanji bahawa jikalau Rembau berjaya dalam usaha itu, beliau akan menyerahkan Simpang kepada Tunku Kudin.

Siasah ini akan memberi Tunku Kudin kuasa mengawal Sungai Linggi, iaitu satu-satunya jalan efektif untuk keluar masuk ke Selangor melalui Labu atau melalui hulu air Sungai Langat. Melalui jalan ini musuh-musuh

Tunku Kudin boleh menyusup masuk ke Selangor dari tempat buangnya di Johor. Oleh sebab itu, Tunku Kudin mempunyai kepentingan untuk menguasai Sungai Linggi, iaitu dapat menyekat, bukan sahaja musuhnya tetapi juga kemasukan bekalan mereka ke Selangor melalui 'pintu belakang'. Pada masa yang sama Tunku Kudin dapat membalas dendam ke atas Sungai Ujong, yang dipercayai bersimpati dan membantu musuhnya Raja Mahadi, dengan menyekat perhubungan Sungai Ujong dengan kawasan pantai (Cowan, 1961:109).

Tunku Kudin, bertindak melalui Datuk Akhir, telah mendirikan sebuah kubu di Pangkalan Kempas. Tujuannya adalah untuk menyekat lalu lintas di Sungai Linggi. Kesan segera tindakan Tunku Kudin dan Datuk Akhir ini ialah orang Sungai Ujong terhalang daripada mendapat bekalan atau menghantar keluar bijih timah mereka (Khoo Kay Kim, 1984:219; 1986:20). Persahabatan dan perjanjian antara Tunku Kudin dan Datuk Akhir ini telah menimbulkan dendam Datuk Kelana Sending dan hampir mencetuskan peperangan antara Rembau di satu pihak dan Sungai Ujong dan Linggi di pihak lain. Datuk Muda Mohamad Farghal, iaitu pemimpin wilayah yang sedang diperebutkan, tidak dapat melakukan sebarang tindakan kontra. Beliau hanya dapat bertindak balas dengan menyatakan bahawa Linggi tidak akan menghantar bayaran anugerah tahunan kepada Rembau (Winstedt, 1934:69).

Perbuatan Datuk Akhir-Tunku Kudin di Pangkalan Kempas itu telah memberi kesan negatif ke atas kepentingan Datuk Kelana Sending (Cowan, 1961:109). Syed Ahman, bertindak bagi pihak Datuk Kelana yang telah tua, telah mengambil daya usaha utama dan bersungguh-sungguh untuk mendapatkan sokongan pihak Inggeris terhadap gabungan Rembau-Selangor itu (Khoo Kay Kim, 1986:20), di samping meminta pihak Inggeris menjamin kebebasan perdagangan di sungai tersebut (Cowan, 1961:109). Kemungkinan Datuk Kelana berjaya dalam usahanya itu sangat tipis kerana Tunku Kudin telah terlebih dahulu mendapat sokongan dan bantuan pihak Inggeris.

Ketegangan itu berlangsung selama hampir dua tahun, dan sampai ke puncaknya kira-kira pertengahan tahun 1872. Pada 14 Mei, Datuk Kelana Sending telah memberitahu Gabenor Ord bahawa beliau telah memberi keizinan melombong kepada Velge.<sup>15</sup> Velge pula telah menjualkan hak milik konsesi itu kepada Syarikat Lombong Bijih Timah Sungai Ujong yang membayar \$30,000 kepada Datuk Kelana Sending sebagai sagu hati.

Berikutan ini, beberapa pihak berasa bahawa mereka juga berhak atas sebahagian daripada royalti yang diperolehi hasil pemberian konsesi itu. Yamtuan Antah menyatakan bahawa beliau sebagai Yamtuan berhak sebahagian daripadanya. Datuk Syahbandar yang juga pembesar Sungai Ujong dan setaraf dengan Datuk Kelana mahukan bahagiannya. Datuk Akhir dan para pembesar Rembau yang telah lama mendapat bahagian di Simpang

juga turut menuntut kerana mereka tidak nampak sebab-sebab mereka dikecualikan (Parkinson, 1964:167). Datuk Kelana Sending pula bercadang untuk membolot wang sagu hati itu untuk dirinya sendiri. Berikutan kegagalan mendapat bahagian Datuk Akhir telah menyatakan kepada Shaw Leftenan Gabenor di Melaka bahawa beliau akan mengetatkan lagi penguatkuasaan pemungutan cukai di Simpang.

Dalam bulan Julai 1872 Datuk Kelana Sending, mungkin untuk membalas dendam atas perbuatan Tunku Kudin dengan Datuk Akhir di Sungai Linggi, telah membenarkan Raja Mahadi (musuh ketat Tunku Kudin) menyelidap masuk ke Hulu Kelang melalui Sungai Ujong. Sebagai tindak balas, Tunku Kudin dan Datuk Akhir telah mengetatkan lagi penyekatan lalu lintas di Pangkalan Kempas (Tunku Kudin) dan di Simpang (Datuk Akhir). Pada akhir bulan berkenaan, Datuk Akhir sekali lagi melaporkan kepada Shaw bahawa satu pertelingkahan telah berlaku antara Rembau dengan Sungai Ujong dan Linggi tentang sempadan di Simpang.

Atas kenyataan Datuk Akhir yang menyatakan Simpang itu kepunyaan Rembau, pada 15 September 1872, sepucuk surat yang ditandatangani oleh Syed Ahman dan Datuk Muda Mohamad Farghal Linggi, sebagai wakil Datuk Kelana Sending telah dihantar kepada Gabenor Ord. Surat itu, mungkin ditulis oleh Velge, yang menuntut hak ke atas Simpang, antara lain menyatakan bahawa Simpang itu terletak di bawah pemerintahan Datuk Kelana dan bukan Datuk Akhir. Tuntutan Sungai Ujong ke atas Simpang itu semata-mata berdasarkan sejarah penaklukan seperti yang diterangkan oleh Datuk Kelana Sending pada 3 Oktober 1872:

1. Mula-mula Simpang diduduki oleh Raja Aman (Daing Alampaki) dari Selangor.
2. Raja Aman telah diusir oleh pihak Belanda di sekitar tahun 1780-an atas permintaan Datuk Kelana Leha.
3. Raja Ali (anak Raja Aman/Daing Alampaki) bersama-sama menantunya, Syed Syaaban telah menguasai Simpang pada sekitar awal tahun 1830-an tetapi diusir dalam tahun 1836.
4. Selepas terbiar lebih kurang 15 tahun, Simpang diduduki pula oleh Lebai Kulup yang kemudiannya dihalau oleh Datuk Kelana Kawal.

Dalam kenyataan ini, Datuk Kelana Sending juga melahirkan perasaan bimbangannya bahawa perikatan Tunku Kudin dengan Datuk Akhir mungkin membawa kepada perang besar. Kedudukannya sendiri tidak begitu teguh kerana percubaannya mendapatkan pas untuk membawa balik senjata dan ubat bedil ditolak oleh pihak berkuasa Inggeris.<sup>16</sup> Datuk Kelana Sending tidak mempunyai senjata untuk mempertahankan negerinya daripada serangan Datuk Akhir dan Tunku Kudin (Khoo Kay Kim, 1984: 119-29). Sebaliknya Tunku Kudin akan mendapat pas dan akan membekalkan senjata kepada orang Rembau. Sekali lagi, pihak Inggeris telah campur tangan. Untuk mengurangkan rasa bimbang Datuk Kelana dan

juga mungkin mengelakkan daripada mengeluarkan pas untuk membawa senjata ke Sungai Ujong yang boleh mencetuskan peperangan, pada awal November, Ord telah memaksa Tunku Kudin dan pembesar-pembesar Rembau daripada mendirikan benteng di Simpang (Chelliah, 1955:10). Berikutan itu, pada 29 Oktober 1872, satu lagi perundingan telah diadakan di Simpang. Pertemuan ini dihadiri oleh Datuk Kelana Sending dan Tunku Kudin. Datuk Akhir tidak dapat hadir kerana sakit tua.

Dalam perundingan itu, Tunku Kudin bersetuju menggugurkan tuntutan ke atas Simpang dengan syarat Datuk Kelana menghentikan perbuatan membantu Raja Mahadi. Datuk Kelana pula menyatakan bahawa beliau tidak mempunyai kepentingan dengan Raja Mahadi dan sekutunya. Apa yang dibimbangkan oleh Datuk Kelana ialah tentang lalu lintas di Sungai Linggi yang melibatkan perniagaannya. Jikalau Tunku Kudin mahu membuka lalu lintas di Sungai Linggi, Datuk Kelana menjamin bahawa beliau akan menyekat segala bekalan yang melalui wilayahnya daripada sampai ke tangan Raja Mahadi. Tunku Kudin berpuas hati dengan jaminan Datuk Kelana itu (Cowan, 1961:110).

Beberapa hari selepas diadakan pertemuan itu, iaitu pada awal bulan November 1872 Datuk Sedia Raja Akhir telah meninggal dunia<sup>17</sup> kerana sakit tua di Lubuk Cina. Dua orang calon, iaitu Haji Mustapha dan Haji Sahil yang dikenali juga sebagai Datuk Perba (Lembaga suku Biduanda) telah bersaing merebut gelaran itu. Kedua-dua orang calon itu, untuk mendapatkan wang bagi pembiayaan mencapai tujuan tersebut telah cuba mengumpulkan wang dengan mengutip cukai secara haram di Sungai Linggi. Antara kedua-dua orang calon itu, ancaman yang paling serius terhadap Linggi datangnya daripada Haji Sahil.

Kebetulan pada sekitar masa tersebut, Datuk Muda Mohamad Farghal Linggi telah membina sebuah kota di dalam 'wilayah Rembau'.<sup>18</sup> Menurut Mohamad Ali bin Dahlan (1976:183) kota ini telah dibina pada sekitar bulan Disember 1872. Untuk mendapatkan tenaga kerja membina kota tersebut, Datuk Muda Mohamad Farghal telah menahan sebanyak 40 atau 50 buah perahu di Linggi dan anak-anak perahu itu telah disuruh membantu membina kota tersebut. Mereka telah membuat kerja-kerja itu dengan rela hati dan dibayar ganjaran oleh Datuk Muda Mohamad Farghal.

Apabila Haji Sahil mengetahuinya beliau telah memimpin orang Rembau (pengikutnya) menyerang kota tersebut.<sup>19</sup> Dalam pada itu, beliau juga telah menyerang dan menawan sebuah kubu di Bukit Tiga dan terus mengenakan cukai ke atas perahu-perahu yang lalu-lalang di Sungai Linggi (Khoo Kay Kim, 1972:147-8; 1984:171). Selain Bukit Tiga, pengikut Haji Sahil juga membuat kubu-kubu di sekitar Kuala Seliau. Tujuannya adalah untuk menjaga dan mengawasi orang Linggi di samping mencukai dagangan yang lalu lintas di situ, sama ada yang datang dari atau dibawa masuk ke Sungai Ujong. Kubu-kubu di sekitar Kuala Sungai Seliau itu telah dibinasa-

kan oleh Datuk Muda Mohamad Farghal berserta orang Linggi dalam satu serangan balas; namun kubu di Bukit Tiga gagal dibinasakan sebab terlalu kuat (manuskrip 'Salinan Surat Cikgu Abbas kepada D.O. Port Dickson tarikh 28.7.24 yang difail dalam D.O.P.D. 221/23).

Pada sekitar akhir tahun 1872, keadaan di Sungai Linggi semakin buruk. Pemangku Leftenan Gabenor Melaka telah menghantar Watts<sup>20</sup> untuk menyiasat kegiatan mengutip cukai di Bukit Tiga. Pada 1 Januari 1873, Watts melaporkan bahawa kubu itu dikawal oleh 500 orang pahlawan Rembau yang bersenjata lengkap. Dalam tempoh masa yang sama, bulan Disember, Datuk Kelana Sending telah meninggal dunia.

Tindakan Haji Sahil di Bukit Tiga itu dan juga pencalonannya sebagai penghulu Rembau mendapat sokongan kuat daripada Tunku Kudin. Setelah Haji Mustapha mengetahui Haji Sahil disokong oleh Tunku Kudin, beliau telah meminta bantuan daripada Datuk Kelana Syed Ahman<sup>21</sup> yang sedia membantunya kerana takut, jikalau Haji Sahil kekal jadi penghulu Rembau atas bantuan Tunku Kudin, Tunku Kudin sekali lagi akan menuntut hak ke atas Simpang (Cowan, 1961:194). Dengan terlibatnya Syed Ahman situasi di sekitar Sungai Linggi menjelang pertengahan tahun 1873 menjadi lebih kompleks.

Tahun berikutnya terbukti menjadi tahun yang penuh dengan peristiwa dalam sejarah negeri-negeri Melayu di pantai barat Semenanjung Tanah Melayu. Dengan Selangor sebagai pusat konflik, negeri-negeri lain, iaitu Kedah, Perak, Johor dan negeri-negeri kecil: Sungai Ujong dan Rembau, serta Pahang telah terlibat sama. Keadaan tegang yang telah sedia ada antara Sungai Ujong dan Rembau, dengan adanya elemen ini, telah menjadi lebih intensif. Yang paling tersepit dalam pertelingkahan ini ialah Linggi dan Datuk Muda Mohamad Farghal. Linggi, sebagai negeri terkecil di antara negeri-negeri kecil itu, tidak mampu bertindak balas secara bersendirian terhadap mana-mana pihak. Datuk Muda Mohamad Farghal hanya mampu menjadi 'pemerhati' sahaja semasa pembesar-pembesar jirannya bertelagah. Beliau hanya 'terlibat' atau 'dilibatkan' bila dirasakan 'perlu' oleh pembesar-pembesar negeri jirannya. Paling malang ialah kawasan yang menjadi pokok permasalahan ialah kawasan wilayah Linggi yang menjadi sebahagian daripadanya. Dalam masa tersepit ini, Datuk Muda Mohamad Farghal seolah-olah berada dalam bayangan Datuk Kelana Sungai Ujong.

Tahun tersebut (1873) ialah tahun yang penuh dengan konflik dan pertelingkahan antara Haji Sahil dengan Haji Mustapha dan Syed Ahman, antara Syed Ahman dengan Datuk Syahbandar Kulup Tunggal Sungai Ujong dan Tunku Kudin. Dalam pertelingkahan ini, seperti dinyatakan, Mohamad Farghal Datuk Muda Linggi berada di tengah-tengah. Malahan, salah satu daripada isu dan wilayah yang menjadi masalah dan yang dipertikaikan terletak dalam wilayah kekuasaan Mohamad Farghal. Senario



pertelingkahan ini tidak hanya terhad di kalangan pembesar-pembesar Melayu, tetapi telah juga melibatkan pegawai-pegawai Inggeris di Melaka dan Singapura yang telah memihak kepada salah satu kumpulan pembesar tersebut. Pihak pentadbiran Inggeris di Singapura memberi sokongan penuh kepada Tunku Kudin dan Haji Sahil. Datuk Kelana Syed Ahman pula dipertahankan oleh Shaw di Melaka yang juga bersimpati dengan Haji Mustapha.

#### SUNGAI LINGGI: REBUTAN REMBAU DAN SUNGAI UJONG

Sungguhpun perseteruan antara Haji Mustapha dan Haji Sahil tidak membawa kepada peperangan besar dan berterusan, namun pendudukan Bukit Tiga oleh Haji Sahil dan perbuatannya mengenakan pelbagai cukai sejak akhir tahun 1872 telah menimbulkan kemarahan pedagang-pedagang Melaka. Pada 19 April 1873, Kapten Shaw telah menerima satu nota rayuan yang menjelaskan bahawa telah bertahun-tahun pedagang-pedagang menjalankan perniagaan yang meluas dengan wilayah-wilayah Melayu Linggi dan Sungai Ujong dan dari sanalah mereka mengimport banyak bijih timah dan mengeksport beras, candu, garam, minyak, ikan kering, gula dan sebagainya. Bayaran bagi beberapa barang ini dibuat secara tunai, sementara yang lain-lainnya dieksport ke wilayah-wilayah tersebut untuk dijual (Khoo Kay Kim, 1984:172).

Pada masa lampau cukai hanya dikenakan di Linggi sahaja tetapi kini bilangan tempat mengutip cukai telah bertambah. Oleh sebab para pedagang Melaka telah mempertaruhkan wang lebih daripada \$80,000 di Linggi dan Sungai Ujong, maka mereka memohon agar orang Rembau yang mengutip cukai di sepanjang sungai itu dipaksa berundur dari situ dengan kekerasan senjata (Chelliah, 1955:72; Khoo Kay Kim, 1984:172). Dengan kata lain, mereka mahu pihak Inggeris campur tangan, bukan dalam hal-hal lombong bijih timah, tetapi bertindak membuka laluan dan membebaskan Sungai Linggi daripada pelbagai kubu dan tol (Cowan, 1961:129).

Di samping Bukit Tiga, orang Rembau telah membina 13 buah lagi kubu dan tol di beberapa bahagian Sungai Linggi ke hulu Bukit Tiga. Satu daripadanya terletak di Permatang Pasir yang mengenakan cukai ke atas beras sebanyak \$10 sekoyan, dan \$5 untuk sebahara bijih timah (Khoo Kay Kim, 1984:172). Cukai yang dikenakan di Bukit Tiga adalah lebih tinggi daripada itu (Parkinson, 1961:168).

Sebagai tindak balas kepada petisyen para pedagang Negeri-negeri Selat dan melihatkan keadaan di Sungai Linggi semakin meruncing, pada bulan Julai 1873, Gabenor Ord telah menjemput kesemua pembesar terlibat menemuinya di Singapura. Usaha beliau ini gagal kerana hanya Syed Ahman sahaja yang datang. Ord telah menggunakan kesempatan tersebut untuk

menemu soal Syed Ahman sebanyak tiga kali (Parkinson, 1961:168). Dalam temu soal itu, Ord tanpa berselindung telah dengan jelas menyatakan kegusarannya terhadap tindakan Datuk Kelana melindungi pelarian-pelarian Selangor,<sup>22</sup> memberi sokongan tidak beralasan kepada Haji Mustapha dan mencampuri hal ehwal politik Rembau. Ord juga menasihatkannya supaya mengakui Haji Sahil sebagai penghulu Rembau dan memintanya jangan lagi campur tangan dalam hal ehwal Rembau. Datuk Kelana Syed Ahman tidak berani memberi sebarang jawapan kepada 'nasihat' Ord itu. Beliau meminta tanggung untuk merundingkannya dahulu dengan para pembesar Sungai Ujong.

Sekembalinya dari Singapura, Syed Ahman telah memikirkan baik buruknya menentang 'pandangan dan nasihat' Ord. Beliau akhirnya membuat keputusan untuk mengikut 'kehendak' Ord bagi kebaikan masa depannya. Justeru itu, pada 10 Julai, beliau memberitahu Ord bahawa beliau bersedia menyokong Haji Sahil dengan syarat persefahaman harus dicapai antaranya dengan Haji Sahil dan Tunku Kudin, jikalau perlu melalui jasa baik pihak Inggeris, berkenaan dengan hak masing-masing ke atas Sungai Linggi (Cowan, 1961:194).

Bertindak atas berita ini, Watts telah berjaya mendapatkan Haji Sahil menyertai satu perundingan yang dihadiri oleh Syed Ahman. Haji Sahil telah dipujuk supaya mengundurkan orang-orangnya dari Bukit Tiga. Perundingan tersebut hampir mencapai kejayaan. Namun pada 8 Ogos, Haji Sahil sendiri telah menulis sepucuk surat kepada Gabenor, dengan merujuk kepada perundingannya dengan Watts, mengadukan bahawa percubaan untuk mencari penyelesaian secara damai dengan Sungai Ujong mungkin gagal kerana:

1. Syed Ahman mengisytiharkan 'orang Rembau janganlah berjual beli dengan orang Sungai Ujong. Jika dilakukan juga hukumannya ialah denda sebanyak \$400 bagi setiap orang'.
2. Syed Ahman juga telah pergi ke Linggi dan memberikan kepada Haji Mustapha ubat bedil dan senapang serta menyuruhnya membuat parit pertahanan. Haji Mustapha membuat persediaan untuk berperang.

Selanjutnya, dalam surat itu Haji Sahil meminta Ord supaya melarang rakyat Inggeris daripada menjalankan perniagaan di kawasan Sungai Linggi kerana beliau tidak akan bertanggungjawab sekiranya mereka mendapat kecelakaan (Khoo Kay Kim, 1984: 172-3).

Ekoran daripada surat itu dan diikuti pula dengan tindakan Haji Sahil, pada 27 Ogos, para pedagang Melaka yang terdiri daripada orang-orang Eropah, Cina dan Arab berjumlah 23 orang telah menghantar surat petisyen kepada Gabenor<sup>23</sup> di Singapura menceritakan tentang keadaan di Sungai Linggi yang banyak merugikan mereka (Chelliah, 1955:22). Kemudian pada awal bulan September, tiga orang Cina dilaporkan terbunuh di Rembau dan Datuk Kulup Tunggal dikatakan telah membakar semua benteng ke-

#### SEJARAH LINGGI

punyaan Haji Sahil di Sungai Linggi. Akibat dua peristiwa itu satu pertemuan telah diadakan di Linggi. Dalam pertemuan itu Leftenan Gabenor Melaka telah menghantar Neubronner mewakilinya. Pertemuan itu telah dihadiri oleh orang besar yang berkenaan. Walaupun perbincangan itu telah mengambil masa yang panjang, tetapi tidak berjaya mencapai satu keputusan yang muktamad. Menjelang pertengahan bulan, Haji Sahil telah membina semula benteng-benteng di Sungai Linggi, dan bijih timah kepunyaan para saudagar rakyat Inggeris bernilai \$300,000 telah dirampas (Chelliah, 1955:12; Khoo Kay Kim, 1984:173).

Pada akhir bulan Disember 1873, Haji Sahil telah menulis surat kepada pihak berkuasa di Melaka. Antara lain Haji Sahil memberitahu Gabenor bahawa jika penyelesaian tidak tercapai tentang pertelingkahnannya dengan Syed Ahman berkaitan tentang tuntutan ke atas Simpang dan masalah kubu-kubu yang ada di Sungai Linggi maka huru-hara akan meletus. Keadaan ini akan memberi kesan kepada pedagang Melaka (Cowan: 1961:194). Pihak Inggeris, untuk sementara waktu tidak dapat memberi tindak balas kepada surat tersebut kerana Gabenor baharu, Sir Andrew Clarke masih dalam proses meneliti segala dokumen yang berkaitan dengan masalah-masalah di Tanah Melayu. Oleh terlalu banyak dokumen yang harus diteliti, beliau telah mengambil masa untuk membiasa dan mengorientasikan mindanya dengan keadaan dan masalah yang wujud. Justeru itu, pengutipan cukai di Bukit Tiga berterusan tanpa halangan.

#### CAMPUR TANGAN INGGERIS DI LINGGI

Pada 4 November 1873, Sir Andrew Clarke telah mengambil alih jawatan Gabenor Negeri-negeri Selat daripada Sir Harry Ord. Sebelum Clarke meninggalkan England pada 20 September 1873 beliau telah diberi arahan oleh Jabatan Hal Ehwal Tanah Jajahan. Antara lain arahan itu mencadangkan supaya pihak Inggeris di Tanah Melayu menggunakan pengaruhnya ke atas putera-putera tempatan dengan tujuan menyelamatkan, jikalau boleh negeri-negeri yang subur dan produktif daripada kehancuran seandainya keadaan kucar-kacir yang wujud itu berterusan tanpa sekatan (Chelliah, 1955:21). Selanjutnya Gabenor baru itu juga diarahkan supaya menyiasat keadaan di negeri-negeri Melayu dan melaporkannya ke London, sama ada pada pandangannya sebarang langkah mungkin diambil untuk mengembalikan keamanan dan ketenteraman, dan untuk menjamin perlindungan terhadap perdagangan. Secara khusus, pertimbangan harus diberi kepada kebijaksanaan melantik seorang pegawai British untuk tinggal di mana-mana negeri Melayu, dengan persetujuan penuh daripada kerajaan tempatan. Arahan itu juga memaklumkan bahawa sebarang belanjawan yang berkaitan dengan perlantikan bagi setiap jawatan itu harus dibiayai oleh kerajaan Negeri-negeri Selat (Chelliah, 1955:21).

Arahan ini daripada nadanya bukan sesuatu yang bersifat revolusi. Ia dipapari oleh syarat-syarat dan mencadangkan supaya dilakukan penyiasatan dan melaporkannya terlebih dahulu kepada pihak berkuasa di London sebelum mengambil sebarang tindakan. Clarke, bagaimanapun menganggap arahan itu sebagai satu pasport dan penyokong untuk bertindak mencampuri hal ehwal negeri Melayu (Cowan, 1961: 174-5; Kennedy, 1993:154). Selain kekacauan di negeri-negeri Melayu ada beberapa faktor lain yang menyebabkan British campur tangan secara berhati-hati ini. Antaranya ialah:

1. Takutkan kuasa Eropah lain mendahului mereka.
2. Bertambahnya kepentingan pihak Inggeris di negeri-negeri Melayu.
3. Suara desakan kelas perdagangan di Singapura untuk mendapatkan keadaan tenteram yang perlu untuk perniagaan, pelaburan dan pembangunan sumber asli di Tanah Melayu (Kennedy, 1993:154-5).
4. Untuk mengekalkan keamanan dan mengadakan undang-undang.
5. Membentuk satu sistem pengutipan cukai yang teratur, menyelenggarakan pemungut hasil mahsul negeri.
6. Menggalakkan pembangunan ekonomi (Thio, 1969:xvii).

Apabila Clarke sampai di Singapura, beliau tidak dapat bertindak dengan serta-merta kerana memerlukan masa untuk meneliti dokumen-dokumen tentang hal ehwal negeri-negeri Melayu yang bukan sedikit bilangannya. Sebelum menumpukan perhatian kepada negeri-negeri kecil di sekitar Sungai Linggi, Clarke terpaksa menyelesaikan masalah di Perak terlebih dahulu kerana ia adalah lebih rumit dan bersifat kontroversi.<sup>24</sup> Pada bulan Januari 1874 Clarke berjaya menyelesaikan dua masalah di Perak. Pertama, dengan tertandatanganinya Perjanjian Pangkor<sup>25</sup> pada 20 Januari, masalah perebutan kuasa di kalangan putera-putera raja Perak diselesaikan; dan melalui Perjanjian itu Perak diletakkan di bawah pentadbiran seorang Residen British. Kedua, Clarke telah juga berhasil menamatkan pergaduhan antara pelombong-pelombong Cina di Larut. Selepas Perak, Clarke menumpukan pula tenaganya ke Selangor. Pada awal bulan berikutnya, Clarke berjaya mengadakan satu perundingan dengan Sultan Abdul Samad dan Tunku Kudin. Perundingan itu telah membuka jalan untuk mengadakan perhubungan diplomatik selanjutnya antara Selangor dan pihak British.

Dalam masa menunggu Clarke menyelesaikan perkara-perkara tersebut, keadaan politik dan perdagangan di Sungai Linggi dan kawasan sekitarnya menjadi semakin tenat. Namun, sebagai tindakan permulaan dan bagi merintis jalan untuk menyelesaikan masalah, pada 13 Februari, Clarke telah mengutus sepucuk surat kepada Haji Sahil, Mohamad Farghal, dan Syed Ahman, serta juga Kulup. Tunggul, Haji Mustapha dan beberapa orang besar masing-masing, menjemput mereka hadir di Singapura. Jika tidak dapat datang, Clarke meminta mereka menghantar wakil yang faham betul

tentang keadaan dan dengan itu berkemampuan memberikan maklumat penuh dan tepat tentang negeri dan masalah masing-masing kepada kerajaan Inggeris.

Sementara itu di Linggi pula, berita tentang campur tangan Inggeris di Perak dan Selangor itu telah sampai ke pengetahuan pembesar-pembesar Linggi dan juga negeri-negeri jirannya. Berita ini mungkin telah membuatkan mereka berfikir dua kali dan akhirnya merubah pendirian masing-masing tentang kegiatan mengutip cukai di Sungai Linggi. Mengambil kesempatan ini, sebagai langkah pertama, pada bulan Mac, para pedagang dan ahli perniagaan di Melaka melalui jasa baik Shaw Leftenan Gabenor Melaka, berjaya menjemput Mohamad Farghal, Haji Sahil dan Syed Ahman untuk mengadakan satu perundingan awal di Melaka. Hasil daripada pertemuan itu, pada 28 Mac satu persetujuan telah dicapai. Ketiga-tiga orang pembesar itu menjamin kebebasan perdagangan di sungai tersebut (Cowan, 1961:195) dan mereka juga bersetuju membahagikan hasil kutipan perdagangan di Sungai Linggi sama rata antara empat orang pembesar. Pembesar keempat yang mendapat bahagian ialah Datuk Syahbandar Kulup Tunggal. Mereka juga bersetuju untuk menyerahkan Simpang kepada pihak British yang akan membina sebuah balai polis di situ.

Selepas pertemuan awal itu, mereka sepatutnya pergi ke Singapura menyahut surat jemputan Clarke bertarikh 13 Februari; tetapi hanya Mohamad Farghal dan Syed Ahman sahaja yang pergi. Pembesar-pembesar lain hanya menghantar wakil masing-masing. Clarke telah membayangkan kepada mereka yang hadir, khususnya wakil Haji Sahil bahawa Haji Sahil harus memberi jaminan tentang kebebasan perdagangan di Sungai Linggi sebelum Inggeris mengiktirafnya sebagai Penghulu Rembau (Cowan, 1961:195; Parkinson, 1964:171).

Semasa Mohamad Farghal dan Syed Ahman berada di Singapura, pada awal bulan April, orang Rembau telah melakukan kekacauan di Sungai Linggi. Mereka telah menahan perahu-perahu yang melalui sungai tersebut di Bukit Tiga. Berita ini telah sampai ke pengetahuan Clarke pada 18 April (Cowan, 1961:195). Tindakan orang Rembau ini telah mewujudkan satu keadaan yang kritikal. Clarke menganggap perbuatan ini sebagai mungkir janji bagi pihak Haji Sahil yang dituduhnya mencetuskan semula kekacauan semasa rundingan mencari penyelesaian sedang berlangsung. Perbuatan Haji Sahil membiarkan pengikut-pengikutnya bertindak sedemikian itu telah merubah pendirian Clarke. Beliau telah menulis sepucuk surat bernada keras kepada Haji Sahil menyatakan beliau telah mungkir janji dan memintanya membersihkan Sungai Linggi daripada kegiatan mengutip cukai di samping menghantar laporan kepada Gabenor tentang keadaan dalaman kerajaan Rembau. Sejak menerima berita itu, Clarke telah menunjukkan sikap berlembut terhadap Datuk Kelana yang sebelum

itu dipandang dengan penuh curiga oleh pihak Singapura (Cowan, 1961:195).

Syed Ahman untuk mengukuhkan lagi kedudukannya telah mengambil kesempatan ini menulis sepucuk surat pada 15 April meminta campur tangan British menyelesaikan buat kali terakhirnya masalah sempadan antara Sungai Linggi dan Rembau di satu pihak dan Selangor di pihak lain, dan juga memohon agar sekatan yang dikenakan ke atas bekalan senjatanya sejak dua tahun sebelum itu, ditarik balik (Sherifa Khan, 1986:21).

Syed Ahman berhasrat benar untuk mendapat sokongan British kerana, walaupun beliau telah dipilih menjadi Datuk Kelana dalam tahun 1872, kedudukannya agak tidak menentu. Kewibawaan beliau diganggu oleh sikap permusuhan yang ditunjukkan oleh saingannya Datuk Syahbandar dan juga oleh Haji Sahil dari Rembau. Beliau tidak mempunyai rakan berpengaruh di Negeri Sembilan dan menyedari kelemahannya untuk menghadapi masalah-masalah tersebut secara bersendirian. Selain itu, Syed Ahman secara peribadi memang menyanjungi kekuasaan Inggeris. Sikap ini tertanam dalam dirinya semasa beliau tinggal beberapa tahun di Melaka.<sup>26</sup> Beliau juga menyedari bahawa Inggeris sebagai satu kuasa laut menguasai pantai dan dengan itu maklum bahawa negerinya (Sungai Ujong) sangat terdedah kepada bahaya kepungan laut. Justeru itu, apabila Clarke menunjukkan sikap simpati kepadanya, beliau telah mengambil kesempatan itu dan membuat keputusan untuk mendapat sokongan dan bantuan Inggeris secara rasmi.

Clarke pula menganggap permintaan Syed Ahman itu sebagai satu rahmat untuk melaksanakan arahan yang diterimanya beberapa ketika sebelum mengambil alih jawatan Gabenor. Beliau berharap menggunakan Syed Ahman sebagai agen atau/dan alat untuk bertindak selanjutnya. Pada tahap ini, Clarke tidak faham dan tidak sedar akan kedudukan Datuk Kelana dan Datuk Syahbandar dalam struktur dan organisasi politik Sungai Ujong, iaitu konsep *Penghulu Dua Sela*. Dalam perkiraan Clarke apabila Syed Ahman bergantung kepada sokongan British untuk terus berkuasa, Inggeris boleh bertindak melaluinya dan dapat mengawal Sungai Linggi. Dengan demikian, di Sungai Ujong, Inggeris juga berharap akan dapat menjalankan polisi yang sama seperti di negeri-negeri Melayu lain, iaitu menyokong pembesar yang mereka andaikan sebagai orang yang sah berkuasa di kawasan itu.

Dengan ini sebagai latar belakang, dan sementara menunggu jawapan daripada Haji Sahil, rundingan dengan Mohamad Farghal dan Syed Ahman diteruskan. Akhirnya pada 21 April 1874 Syed Ahman sebagai Datuk Kelana Sungai Ujong dan Mohamad Farghal sebagai Datuk Muda Linggi telah membuat dan menandatangani satu perjanjian dengan kerajaan British.<sup>27</sup> Peristiwa bersejarah ini telah mengambil tempat di Rumah Kerajaan. Antara perkara yang dipersetujui ialah:

1. Sungai Ujong menerima perlindungan British.
2. Datuk Kelana berjanji bertanggungjawab melindungi perdagangan di Sungai Linggi.
3. Sungai Ujong berjanji bekerjasama membanteras penjenayah dan memberikan maklumat tentang semua peristiwa politik dan perdagangan penting.
4. Sungai Ujong berjanji bahawa stesen, daerah atau petempatan di Simpang sejauh Permatang Pasir<sup>28</sup> harus diletakkan di bawah kuasa, aturan dan arahan kerajaan British (Parkinson, 1964:171).
5. Pihak Inggeris pula berjanji akan menjamin kemerdekaan, kedamaian dan kemakmuran Sungai Ujong, di samping menyokong kewibawaan Datuk Kelana di Sungai Ujong dan di Sungai Linggi.

Perjanjian ini memberikan kunci kepada pihak Inggeris untuk bertindak menyelesaikan buat kali terakhir perbalahan tentang cukai di Sungai Linggi dan konflik antara Sungai Ujong dan Rembau.

#### LINGGI KEHILANGAN STATUS NEGERI

Di samping syarat-syarat yang dinyatakan melalui perjanjian ini juga, Datuk Kelana diberi bantuan sebanyak \$50,000 untuk digunakan bagi tujuan-tujuan yang sah. Dalam konteks perjanjian itu, ini bermakna wang itu harus disalurkan untuk memenuhi syarat-syarat perjanjian seperti yang dinyatakan (iaitu perkara 2 dan 3) di samping bertindak sebagai penjaga keselamatan (polis) di kawasan tersebut sesuai dengan kehendak kerajaan Negeri-negeri Selat. Perjanjian itu tidak memberi peruntukan bagi perlantikan seorang Residen British di Sungai Ujong. Bahagian penting dalam perjanjian itu ialah yang menjanjikan bahawa selagi syarat-syarat perjanjian ini dipatuhi oleh pembesar tersebut (Datuk Kelana) dan pegawai-pegawainya, kerajaan British memberi jaminan dan perlindungan moral dan material kepada mereka, untuk menjaga kemerdekaan, kedamaian dan kemakmuran wilayah Sungai Ujong. (Maxwell dan Gibson, 1924:38).

Berdasarkan kenyataan tersebut, Datuk Kelana telah meraih keuntungan daripada segala segi tanpa menyerahkan apa-apa sebagai balasan. Pemungutan cukai secara adil dan berpatutan seperti yang ditugaskan akan memberinya pendapatan yang cukup kalau beliau menghalang orang lain daripada mengutip cukai secara haram. Dalam konteks ini, dari segi ekonomi, penyerahan kawasan bahagian hilir sungai itu kepada pentadbiran British bukannya satu pengorbanan kerana beliau boleh mengutip cukai di bahagian hulu sungai. Dengan berkuasanya Inggeris di bahagian tersebut, pendapatan Datuk Kelana daripada cukai akan terjamin kerana pihak Inggeris akan menghalang pengacau daripada membina benteng-benteng tol di kawasan yang dipertikaikan itu, justeru itu mengelakkan

pengutipan haram. Pada hakikatnya, ini akan menyenangkan lagi Datuk Kelana.

#### LINGGI DALAM PERJANJIAN SUNGAI UJONG 1874

Satu perkara yang agak menarik tentang perjanjian ini ialah ia tidak menyentuh dan merujuk sama ada Linggi sebagai satu wilayah ataupun Datuk Muda Linggi. Semasa perundingan yang menghasilkan perjanjian itu, Datuk Muda Mohamad Farghal berada di Singapura bersama Syed Ahman. Beliau mesti menyedari bahawa kehadirannya di situ bukan sebagai pengiring Syed Ahman tetapi atas jemputan untuk membincangkan bersama tentang Sungai Linggi, iaitu sungai yang menjadi nadi kepada ekonomi dan politik negerinya, iaitu Linggi. Beliau dijemput kerana kedudukannya sebagai Datuk Muda Linggi, pembesar yang berwibawa dan berkuasa mewakili negeri Linggi yang merdeka dan berdaulat. Namun, setakat data sejarah yang ada, Mohamad Farghal seolah-olah tidak mengambil bahagian langsung dalam perbincangan dan perundingan itu. Ini jelas terbukti daripada syarat-syarat perjanjian yang dipersetujui itu yang tidak sepele kata pun membabitkan atau menyentuh tentang kedudukan Linggi. Walhal, Mohamad Farghal adalah seorang daripada dua orang pembesar yang menandatangani perjanjian itu. Beliau menandatangani perjanjian itu bukan sebagai saksi,<sup>29</sup> tetapi atas gelaran dan statusnya sebagai Datuk Muda Linggi. Fakta terakhir disebut ini jelas kebenarannya atas dasar tandatangan Datuk Muda Linggi itu dimeterikan dengan cap mohornya sendiri.

Datuk Muda Linggi mungkin telah digolongkan oleh perjanjian ini dalam frasa 'pembesar tersebut dan *pegawai-pegawainya*' (penekanan adalah oleh penulis). Ini bermakna, menurut semangat perjanjian itu, Datuk Muda Linggi ialah salah seorang daripada pegawai atau pembesar Datuk Kelana. Jikalau andaian ini benar maka dari pandangan perjanjian itu, serta juga dari kaca mata pihak Inggeris dan Datuk Kelana sendiri. Datuk Muda Linggi itu tidak lebih dan tidak kurang hanya merupakan orang bawahan Datuk Kelana. Dari segi kerajaan Linggi pula dan Datuk Muda Linggi sendiri, melalui perjanjian ini mengakui secara rasmi (kerana perjanjian itu adalah satu dokumen rasmi) bahawa Linggi dan Datuk Muda Linggi adalah wilayah dan pembesar di dalam wilayah dan di bawah kekuasaan negeri dan Datuk Kelana Sungai Ujong. Datuk Muda Linggi menandatangani perjanjian itu bukan sebagai saksi kepada mana-mana pihak tetapi adalah bagi pihak Linggi dan dirinya sendiri. Ini bererti bahawa beliau faham akan maksud dan implikasi perjanjian itu terhadap kerajaan Linggi dan dirinya sendiri. Dengan demikian, Mohamad Farghal sebagai Datuk Muda Linggi dengan perjanjian itu mengakui bahawa Linggi telah hilang kemerdekaan,



kedaulatan dan kewibawaannya sebagai satu entiti politik. Pendek kata Mohamad Farghal telah menyerahkan kuasa politiknya kepada Datuk Kelana Syed Ahman.

Melihat akan perkembangan politik kerajaan Linggi sejak pertengahan pemerintahan Haji Mohamad Salleh, Datuk Muda Linggi II sehingga bulan April 1874 nyata kewibawaan Linggi sebagai satu entiti politik mulai merosot dan akhirnya hilang. Datuk Muda Linggi, sejak pemerintahan Datuk Muda Mohamad Salleh, sering 'mengikut' sahaja kehendak dan kemahuan Datuk Kelana Sungai Ujong. Dalam semua perkara yang berkaitan dengan ekonomi dan politik Linggi berada dalam bayang kerajaan Sungai Ujong, khususnya Datuk Kelana. Sebaliknya pula, segala masalah di Sungai Linggi adalah berpunca atau ada kaitan dengan Datuk Kelana Sungai Ujong. Lantaran itu, segala tindak tanduk semua pihak yang berkenaan adalah difokuskan kepada Datuk Kelana dan tidak kepada Datuk Muda Linggi; walaupun Linggi terletak di sekitar bahagian tengah wilayah yang dikecohkan. Dalam tempoh tersebut Datuk Muda Linggi dianggap sebagai orang atau pembesar pinggir oleh kerajaan Sungai Ujong dan pada masa-masa akhir sebelum bulan April 1874, oleh pihak Inggeris.

Dalam tempoh masa tersebut juga, daripada huraian sebelum ini, jelas bahawa Datuk Kelana Syed Ahman yang disertai oleh Datuk Muda Mohamad Farghal begitu bersungguh-sungguh untuk mendapatkan bantuan Inggeris bagi menyelesaikan pertikaian yang wujud di sepanjang Sungai Linggi. Mungkin kerana kesungguhan permintaan inilah membuatkan Cowan berkesimpulan menyatakan Syed Ahman itu 'bukannya seorang pejuang' (Cowan, 1961:195). Jikalau pandangan Cowan ini benar maka ini bererti juga bahawa Datuk Muda Mohamad Farghal berbanding dengan Datuk Muda Mohamad Attas, bukannya seorang pejuang.

Permintaan kedua-dua orang pembesar ini adalah sesuai dengan syarat-syarat keperluan yang dituntut oleh jabatan Hal Ehwal Tanah Jajahan di London untuk membolehkan pihak Inggeris di Negeri-negeri Selat masuk campur tangan dalam negeri-negeri Melayu. Kesempatan ini telah diambil dan digunakan sepenuhnya oleh Clarke. Dari satu aspek lain, Clarke seolah-olah telah secara tidak langsung menyebabkan Syed Ahman berbuat begitu. Antara 'galakan' Clarke serta kerajaan Negeri-negeri Selat untuk tujuan ini ialah menyekat kemasukan bekalan senjata yang telah dibeli oleh Syed Ahman ke Sungai Ujong. Setelah bekalan senjata itu disekat, Syed Ahman telah ditekan pula supaya 'memulihkan' dan 'membersihkan' Sungai Linggi. Ini bererti Syed Ahman terpaksa berhadapan dengan 'musuh' tanpa senjata yang secukupnya. Dengan demikian, beliau tidak ada pilihan melainkan 'meminta' bantuan Inggeris untuk menyelesaikan masalah tersebut atau kehilangan kuasa. Mohamad Farghal pula, sebagai bayang Syed Ahman hanya mengikut sahaja. Akhirnya, akibat terdesak, Syed Ahman telah menandatangani Perjanjian Sungai Ujong pada 21 April 1874 di

#### LINGGI DINAUNGI OLEH INGGERIS

Singapura. Perjanjian ini merupakan langkah pertama dan penting bagi gerakan penaungan Inggeris ke atas Negeri Sembilan.

#### GERAKAN DI BUKIT TIGA

Selepas menandatangani perjanjian itu Datuk Syed Ahman dan Datuk Muda Mohamad Farghal Linggi pun balik. Clarke pula telah mengutus surat kepada Haji Sahil dan Haji Mustapha 'memerintahkan' mereka memenuinya di Kuala Linggi pada 2 Mei.<sup>30</sup> Berikutan itu, Kapten Shaw telah mengutus surat kepada Mohamad Farghal supaya hadir bersama dalam perjumpaan itu. Surat tersebut telah dihantar dengan sebuah kapal polis. Dalam pelayaran balik dari Linggi, kapal itu telah diserang. Serangan ini memberi Clarke satu lagi justifikasi untuk bertindak selanjutnya (Chelliah, 1955:26).

Pada 30 April, Clarke telah belayar meninggalkan Singapura untuk menghadiri temu janji di Kuala Linggi dengan menaiki Kapal Diraja *Charybdis* bersama Kapten T.E. Smith. Beliau telah diiringi oleh Braddell<sup>31</sup> dan Leftenan Brackenbury. Rombongan Clarke ini disambut oleh Shaw, Leftenan Gabenor Melaka yang menaiki Kapal Diraja *Avon* di Sungai Linggi. Ketibaan Clarke dan rombongannya di tempat yang dijanjikan itu hanya ditunggu oleh Datuk Muda Linggi dan Datuk Kelana berserta dengan pembesar-pembesar masing-masing. Haji Sahil dan Haji Mustapha tidak hadir. Haji Sahil, bagaimanapun menghantar surat menyatakan beliau tidak sihat (Cowan, 1961:197). Clarke percaya bukan keuzuran yang menghalang kehadiran Haji Sahil tetapi oleh ketua-ketua perompak yang berkepentingan di Sungai Linggi.<sup>32</sup> Untuk memberi peluang beliau sembuh, perjumpaan itu ditangguhkan sehingga 5 Mei dan tempat perjumpaan juga dialih ke Simpang yang terletak lebih hampir dengan balai kediaman Haji Sahil.

Pada 3 Mei sekali lagi Haji Sahil, melalui surat menyatakan ketidakbolehannya hadir pada temu janji baru itu. Kali ini beliau memberi maklumat bahawa kubu-kubu di Sungai Linggi itu bukan kepunyaannya (Parkinson, 1964:171). Haji Sahil juga menyatakan kubu-kubu itu telah dikuasai oleh bekas pengikut upahannya dari Sumatera semasa berperang dengan Haji Mustapha dahulu.<sup>33</sup> Mereka itu tidak mahu lagi mengikut perintahnya. Selain orang Sumatera, kubu-kubu tersebut dikuasai oleh bekas pengikut Haji Mustapha, termasuk seorang anak Datuk Syahbandar Sungai Ujong (Cowan, 1961:197). Dengan itu nyata bahawa Haji Sahil tidak berkuasa di kubu-kubu tersebut. Para pembesar yang membantunya semasa perebutan pusaka penghulu telah mengambil alih kuasa dan mereka menentang sebarang tindakan terhadap kubu-kubu tersebut. Fakta ini diperkuatkan lagi oleh berita yang disampaikan pada masa yang sama, menyatakan bahawa serombongan polis Melaka yang membawa surat untuk

Datuk Syahbandar telah diserang dan dirompak wang tunai sebanyak \$600 di satu kubu berhampiran dengan Permatang Pasir (Parkinson, 1964:171).

Kewujudan kubu-kubu di sungai tersebut tidak sahaja merosakkan perniagaan Melaka tetapi juga menyebabkan kesukaran kepada para pelombong. Makanan dan bekalan makanan yang sampai kepada mereka tidak mencukupi. Datuk Kelana khuatir peristiwa rusuhan 1860 akan berulang lagi jika keadaan ini berterusan. Beliau juga menyatakan kepada Clarke ketidakmampuannya untuk bertindak terhadap kubu di Bukit Tiga walaupun beliau yakin bahawa jika kubu itu dapat dimusnahkan, beliau mampu membebaskan bahagian lain sungai itu daripada kegiatan mengutip tol haram. Clarke membuat keputusan untuk memberi bantuan material, sesuai dengan syarat Perjanjian 1874, yang diperlukan oleh Datuk Kelana (Chelliah, 1955:27).

Pada jam 1.30 pagi, 4 Mei, Clarke dengan diiringi oleh Kapten Smith, Shaw, Braddell, Komander Powell, Syed Ahman dan Mohamad Farghal telah memudiki Sungai Linggi menaiki kapal *Pluto* menuju ke Bukit Tiga. Mereka memudiki sungai itu dari Simpang sambil menarik tiga buah tongkang penuh dengan senjata dan peluru kepunyaan Syed Ahman.<sup>34</sup> Konvoi ini diikuti oleh perahu-perahu yang dimuatkan dengan satu skuadron terdiri daripada 157 orang pegawai dan tentera bersenjata lengkap. Pecahan pasukan skuadron itu ialah:

|                                        | Pegawai | Tentera |
|----------------------------------------|---------|---------|
| Daripada Kapal Diraja <i>Charybdis</i> | 10      | 68      |
| Daripada Kapal Diraja <i>Avon</i>      | 4       | 35      |
| Daripada kapal <i>Pluto</i>            | 2       | 25      |
| Daripada kapal api polis               | 1       | 25      |
| Jumlah                                 | 17      | 140     |
| Jumlah besar                           | 157     |         |

(Chelliah, 1955:27 nota kaki 15)

Selepas terkandas untuk beberapa kali, lebih kurang pada jam 4.30 pagi mereka sampai ke kubu Bukit Tiga. Mereka dapati kubu tersebut tidak lagi berpenghuni. Daripada bukti yang ditemui, Clarke mendapat tahu bahawa kubu itu baru sahaja ditinggalkan dan pemergian mereka itu adalah secara tergesa-gesa. Selanjutnya, adalah dianggarkan bahawa tidak kurang daripada seribu orang berada dalam kubu itu pada pagi tersebut. Walaupun perpindahan mereka itu dilakukan secara tergesa-gesa, tiada selaras senapang atau senapang lantak yang tertinggal. Barang rampasan yang diperolehi hanya sebuah kotak dokumen yang tidak penting.

Kedudukan kubu itu sangat baik dan sesuai dengan tujuannya didirikan.

Ia dapat mengawasi dan mengawal dengan baik lalu lintas di sungai itu. Bangunannya kukuh dan akan dapat bertahan lama jika yang menyerangnya adalah orang Melayu. Namun, seandainya serangan itu datang daripada pihak musuh yang menggunakan peluru dan periuk api, ia mudah dimusnahkan. Setelah melihat kedudukan dan keadaan kubu itu Clarke memerintahkan Shaw memusnahkannya berserta dengan bangunan-bangunan yang ada di dalamnya.

Pada petangnya angkatan Inggeris itu telah balik ke Simpang. Dalam pelayaran balik itu, mereka telah memusnahkan sebuah lagi kubu yang dalam proses pembinaan. Pada keesokan harinya anggota skuadron itu telah balik ke kapal masing-masing. Komander Powlett daripada Kapal Diraja *Avon* telah diperintahkan tinggal di Simpang sehingga 9 Mei. Sebelum balik ke Singapura, Clarke telah melawat semula Bukit Tiga dan juga pergi ke pekan Linggi. Pada 7 Mei, Clarke telah belayar ke Melaka di mana beliau menaiki Kapal Diraja *Charybdis* dan sampai di Singapura pada pagi 8 Mei (Parkinson, 1964:172).

Gerakan memusnahkan kubu di Bukit Tiga itu telah memberi kesan positif kepada wilayah Linggi khususnya dan negeri-negeri jirannya serta Negeri Sembilan amnya. Sungai itu telah bebas daripada lanun dan perompak. Para pedagang dan pelombong di Melaka dan Sungai Ujong mendapat keyakinan semula untuk meneruskan kegiatan mereka. Perniagaan di Sungai Linggi merangsang semula. Nilai bijih timah yang dieksport ke Melaka dua hari selepas gerakan Bukit Tiga ialah \$50,000.

Syed Ahman telah melaporkan kepada Pemangku Setiausaha Hal Ehwal Tanah Jajahan bagi Negeri-negeri Selat pada 10 Mei bahawa Datuk Syahbandar telah bersetuju mematuhi perintahnya dan tidak lagi memberi perlindungan kepada pelarian Selangor seperti Raja Mahadi dan Raja Mahmud. Beliau juga memberitahu bahawa orang Rembau tidak lagi membuat kacau. Setiausaha Hal Ehwal Tanah Jajahan memberi jaminan kepada Tunku Kudin bahawa Datuk Kelana tidak lagi mempunyai sikap bermusuhan terhadapnya dan menasihatkan beliau dan pengikut-pengikutnya supaya jangan campur tangan dalam hal ehwal Negeri Sembilan demi kepentingan rakyat British. Clarke telah melaporkan kepada Carnarvon bahawa Haji Sahil kini berhasrat mencari kesefahaman dengan Inggeris dan sangat berminat membuka negeri Rembau untuk perniagaan. Syed Ahman pula berjaya mendapatkan semula senjata-senjatanya dan dengan itu adalah diharapkan kedamaian akan wujud di sepanjang jalan lalu lintas di Sungai Linggi, tetapi keadaan tidak mengizinkan (Chelliah, 1955:28-9). Datuk Muda Mohamad Farghal adalah orang yang paling rugi dalam proses pihak British mencampuri hal ehwal Sungai Ujong dan pembersihan Sungai Linggi daripada pencukiaan haram ini. Beliau kini hanya seorang pembesar di bawah kekuasaan Datuk Kelana Sungai Ujong. Kuasa yang tinggal padanya hanya hal-hal yang berkaitan dengan sosial dan adat istiadat Linggi sahaja.

## SEJARAH LINGGI

1. Ibu Syed Ahman ialah ahli waris dan anak Datuk Kelana dahulu. Beliau sepatutnya dilantik sebagai Datuk Kelana pada tahun-tahun 1820-an tetapi tidak mendapat sokongan kerana usianya yang muda dan Datuk Kelana Kawal menyingkirnya. Beliau telah berpindah ke Ulu Langat. Dalam tahun 1848 beliau telah terlibat dalam Perang Rawa dengan memihak orang Rawa. Penglibatannya itu bersyarat iaitu jikalau Datuk Kelana Kawal dapat dikalahkan, beliau hendaklah dilantik menjadi Datuk Kelana; tetapi pemberontakan itu dapat dipatahkan. Dalam masa pemerintahan Datuk Kelana Sending yang menggantikan Datuk Kelana Kawal pada sekitar tahun 1848/50 Syed Ahman menjawat jawatan penting di Sungai Ujong. Di bawah Datuk Kelana Sending beliau memegang gelaran Laksamana Raja Laut. Pada bulan Mac 1873, beliau menggantikan Sending sebagai Datuk Kelana Sungai Ujong dengan sokongan penuh Inggeris (Khoo Kay Kim, 1984:160 nota kaki 43).

2. Braddell, T., dokumen *Second Continuation of Report on the Proceedings of Government Relating to the Native States in the Malayan Peninsula*.

3. Abdul Aziz bin Salleh (1973:134) menyatakan tiga sahaja cukai tambahan.

4. Untuk teks lengkap petisyen ini lihat Chelliah, T., *War in Negri Sembilan*, latihan ilmiah, Universiti Malaya, Singapura, 1955:64-5 Appendix B(1).

5. Nama sebenarnya ialah Abdullah bin Ahmad atau terkenal juga dengan nama Manja Khatib.

6. Telah menjadi adat di antara Sungai Ujong dengan Rembau bahawa sekiranya penghulu satu pihak menghadapi sesuatu masalah beliau akan meminta bantuan daripada pihak yang lain (Khoo Kay Kim, 1984:136, Norhalim Hj. Ibrahim, 1995:243).

7. Datuk Syahbandar Kulup Tunggal ialah seorang yang berpengaruh di Sungai Ujong. Beliau dihormati dan berjaya menguruskan perlombongan bijih timah dengan baik. Pelombong Cina menaruh kepercayaan kepadanya (Khoo Kay Kim, 1990:15).

8. Aduan ini telah dibuat oleh para peniaga Melaka kepada Gabenor Cavenagh pada bulan Ogos 1860. Untuk teks penuh surat aduan ini lihat Chelliah, 1955:66-7 Appendix B(2). Rayuan ini diterbitkan dalam akhbar *Singapore Daily Times*, 17 Disember 1873. Nama orang yang merayu itu tidak dicatat.

9. Aduan ini telah dibuat oleh para peniaga Melaka kepada Gabenor Cavenagh pada bulan Ogos 1860. Untuk teks penuh surat aduan ini lihat Chelliah, 1955: 66-7 Appendix B(2). Rayuan ini diterbitkan dalam akhbar *Singapore Daily Times*, 27 Disember 1873. Nama orang yang merayu tidak dicatat.

10. Mengikut manuskrip 'Salinan Surat Cikgu Abbas kepada D.O. Port Dickson tarikh 28.7.24 yang difail dalam D.O.P.D. 221/23' kejadian ini berlaku pada masa pemerintahan Datuk Muda Mohamad Farghal. Berdasarkan tarikh berlakunya peristiwa Datuk Kelana Sending pergi ke Linggi mengatur satu sistem kutipan cukai itu, iaitu pada tahun 1865 (Khoo Kay Kim, 1972: 145; 1984:167) maka Datuk Muda Linggi pada ketika itu ialah Haji Mohamad Salleh (1849-70).

11. Mengikut Perlembagaan Adat Kerajaan Rembau, penghulu Rembau tidak boleh melakukan sebarang tindakan yang berkaitan dengan hal ehwal luar negeri tanpa kebulatan Lembaga Tiang Balai.

12. Perang saudara atau lebih dikenali sebagai Perang Kelang ini telah bermula kira-kira pada tahun 1868.

13. Tunku Kudin atau Tunku Zainuddin ialah adik Sultan Ahamad Tajuddin Mukarram Syah Kedah dan telah berkahwin dengan Tengku Arfah, anak Sultan Abdul Samad Selangor. Sultan Abdul Samad telah melantiknya sebagai Wakil Yamtuan dengan tugas menjaga keamanan di Selangor. Beliau telah diberikan Langat sebagai sumber pendapatan dan kemudiannya terlibat dalam satu persengketaan dengan para pembesar Selangor. Oleh sebab Sungai Ujong dan para pembesarnya memberi jalan keluar dan masuk, dan kelengkapan kepada musuhnya, Tunku Kudin telah melibatkan diri dalam pertelingkahan Rembau-Sungai Ujong untuk kepentingannya (Buyung Adil, 1981:59-61).

#### LINGGI DINAUNGI OLEH INGGERIS

14. Raja Mahadi ialah anak Raja Sulaiman Kelang. Apabila ayahnya mati, beliau tidak dilantik menggantikan ayahnya. Sultan Muhammad, Sultan Selangor ketika itu telah menyerahkan kuasa memerintah Lembah Sungai Kelang kepada menantunya Raja Abdullah. Pertelingkahan telah berlaku antara Raja Mahadi dan Raja Abdullah. Semasa pemerintahan Sultan Abdul Samad, Raja Mahadi telah ditunangkan dengan anaknya Tengku Arfah. Namun apabila Raja Mahadi enggan membayar cukai bulanan sebanyak \$500 pada tahun 1867, Sultan Abdul Samad telah murka dan memutuskan pertunangannya dengan Tengku Arfah. Tengku Arfah kemudiannya dikahwinkan dengan Tunku Kudin. Tunku Kudin pula dilantik menjadi Wakil Yamtuan oleh Sultan Abdul Samad. Perlantikan ini tidak disukai oleh Raja Mahadi (Buyung Adil, 1981: 46–61). Akhirnya kedua-dua orang pembesar ini telah bertelingkah kerana perebutan kuasa.

15. Henry John Velge atau kepada orang Melayu dikenali sebagai Tuan Perkil atau Terkil, dilahirkan di Melaka pada 19 Disember 1796. Beliau adalah salah seorang penulis petisyen tentang kekacauan di Sungai Ujong pada tahun 1855. Beliau mempunyai banyak kepentingan dalam harta dan ladang ubi kayu dan gambir di Melaka, dan dalam perusahaan perlombongan di Negeri Sembilan.

16. Sungai Ujong dalam tahun 1870 melalui Syed Ahman telah menempah dua laras meriam gangsa dan 100 laras senapang dari London. Senjata ini adalah untuk mempertahankan Sungai Ujong daripada serangan musuh; tetapi senjata tersebut telah ditahan di Singapura selama lebih kurang dua tahun kerana pihak Inggeris tidak mengeluarkan pas untuk membawanya masuk ke Sungai Ujong.

17. Parr dan Mackray (1910:45, 118) memberikan tahun 1871 sebagai tarikh Datuk Akhir meninggal.

18. Wilayah yang dimaksudkan adalah tidak jelas. Besar kemungkinan 'wilayah Rembau' itu merujuk kepada kawasan Simpang.

19. Menurut Mohamad Ali bin Dahlan (1976:183) yang menyerang kota itu ialah Haji Mustapha, bukannya Haji Sahil.

20. E.H. Watts ialah Penolong Pengutip Cukai Tanah dalam pentadbiran Melaka pada tahun 1872.

21. Syed Ahman telah memangku pusaka Datuk Kelana Sungai Ujong antara bulan Disember 1872 hingga Mac 1873. Beliau hanya dilantik menjadi Datuk Kelana pada bulan Mac 1873. Menurut Cowan (1961:193) beliau ialah seorang yang banyak makan asam garam dunia dan bercita-cita tinggi, seorang diplomat yang licin tetapi bukannya seorang pejuang.

22. Mereka mencari perlindungan di Sungai Ujong dari semasa ke semasa, iaitu pada masa dan selepas Perang Saudara Selangor 1867–73. Antara pelarian itu ialah Raja Mahmud dan Raja Mahadi. Kehadiran mereka di Sungai Ujong menambah satu lagi elemen ketidakstabilan politik di Negeri Sembilan.

23. Petisyen ini ditujukan kepada Clarke yang pada hakikatnya belum lagi mengambil alih jawatan Gabenor pada ketika itu. Clarke mula memegang jawatan Gabenor Negeri-negeri Selat pada 4 November 1873. Untuk salinan lengkap petisyen ini lihat Chelliah (1955: 74–6 Appendix B5). Petisyen ini telah diterbitkan oleh *Singapore Daily Times*, 27.12.1873.

24. Masalah di Perak melibatkan dua perkara, iaitu perebutan kuasa di kalangan para pembesar dan pergaduhan antara pelombong Cina khususnya antara kelompok Ghee Hin dan Hai San.

25. Untuk teks Perjanjian ini lihat Maxwell dan Gibson, 1924:28–30.

26. Syed Ahman, sebelum dilantik menjadi Datuk Kelana Sungai Ujong, sering tinggal di Melaka dan telah mengumpul harta tanah yang luas (Sherifa Khan, 1986:21 nota kaki 90).

27. Untuk teks perjanjian ini lihat Maxwell dan Gibson, 1924:37–8.

28. Berhampiran, iaitu arah ke hilir, dengan rumah kediaman Datuk Muda Mohamad Farghal Linggi.

29. Berdasarkan salinan perjanjian itu seperti yang dipetik oleh Maxwell dan Gibson

## SEJARAH LINGGI

(1924:37-8) nama yang dicatat di bawah tandatangan, gelaran dan cap mohor Datuk Kelana ialah tandatangan, gelaran dan cap mohor Datuk Muda Linggi.

30. Cowan (1961:197) menyatakan pertemuan ini diadakan di Simpang.

31. Braddell ialah peguam bagi kerajaan Negeri-negeri Selat.

32. Mohamad Ali bin Dahlan (1976:198 nota kaki 1) menyatakan bahawa Haji Sahil tidak hadir, bukan kerana sakit, tetapi kerana dipengaruhi oleh lembaga-lembaganya.

33. Perang ini berlaku pada sekitar Disember 1873 yang berakhir dengan kekalahan Haji Mustapha. Untuk keterangan lanjut lihat Norhalim Hj. Ibrahim (1995:254-5).

34. Senjata dan peluru ini adalah yang disekat kemasukannya ke Sungai Ujong sebelum itu.